



**PENYATA JAWATANKUASA
KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC)
DR. 11/2025**



TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW),
JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR
SARAWAK (JBALB)
DAN
JABATAN AIR NEGERI SABAH (JANS)
BAGI SYOR – SYOR PENYATA PAC PARLIMEN
BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK
BEKALAN AIR LUAR BANDAR
SARAWAK DAN SABAH (DR. 3/2025)

+++++





**AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KE 15**

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ir. Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dato Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat

**WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC
(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

KANDUNGAN

MUKA SURAT 1 - 2

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 2 - 4

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 5- 21

**TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL BAGI
SYOR-SYOR PAC PARLIMEN**

MUKA SURAT 22

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW),
JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR
SARAWAK (JBALB)
DAN
JABATAN AIR NEGERI SABAH (JANS)
BAGI SYOR – SYOR PENYATA PAC
PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN
PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR
SARAWAK DAN SABAH**





PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN

TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH, JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN JABATAN AIR NEGERI SABAH

BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN

BERHUBUNG

PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH (DR.3/2025)

1. PENDAHULUAN

Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan pengauditan terhadap Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak dan Sabah di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024 Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan pada 4 Julai 2024.

Fokus utama pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek BALB Sarawak dan Sabah dilaksanakan secara ekonomik, cekap dan berkesan bertujuan menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat. Pengauditan meliputi projek penyambungan paip retikulasi, pembinaan loji rawatan serta projek alternatif bagi RMKe-11 dan sambungan RMKe-10

Sehubungan itu, beberapa isu utama telah dibangkitkan di dalam LKAN berkenaan yang dapat diringkaskan seperti berikut:

- i. 44,059 Rumah Belum Menerima Akses Bekalan Air Bersih & Terawat;
- ii. Penyambungan Meter Tidak Dibuat – BALB Sabah;
- iii. Tangki Perkhidmatan Tidak Digunakan – BALB Sarawak; dan
- iv. Komponen Aset Projek Rosak – BALB Sabah.

Atas sebab itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan isu ini melalui tiga (3) Mesyuarat Prosiding dan satu (1) lawatan kerja bagi tempoh 24 Julai 2024 hingga 2 Oktober 2024. Prosiding ini bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berhubung Pengurusan Projek BALB Sarawak dan Sabah yang telah dibangkitkan. Selain itu, pematuhan terhadap undang-undang, perjanjian dan peraturan yang berkuat kuasa turut diteliti.

Lanjutan itu, Penyata PAC Parlimen berhubung BALB tersebut (DR.3/2025) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 20 Februari 2025.

2. LATAR BELAKANG

PAC Parlimen telah membentangkan Penyata PAC Parlimen (DR.3/2025) bertajuk Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak dan Sabah di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW), Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB) dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) pada 20 Februari 2025.

Dalam penyata berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan tujuh (7) syor yang perlu diambil tindakan oleh KKDW, JBALB dan JANS iaitu:

- i. KE dan KKDW dengan kerjasama Kerajaan Negeri perlu membangunkan pelan induk BALB bagi memastikan penduduk di luar bandar mempunyai akses kepada bekalan air yang berkualiti dan selamat digunakan;

- ii. KKDW, Kerajaan Negeri, agensi serta pihak berkuasa yang berkaitan perlu memantapkan kaedah pengurusan projek serta lebih proaktif berkoordinasi secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang siap mengikut jadual;
- iii. KKDW perlu memastikan pihak Kerajaan Negeri/PBAN mengemukakan SOP pelan pencegahan dan pemulihan (preventive and corrective maintenance) berjadual sebelum projek diserahkan kepada Kerajaan Negeri/PBAN;
- iv. KKDW perlu memasukkan kos penyediaan tangki air dan pemasangan meter di dalam kos di bawah projek BALB yang melibatkan penduduk yang tidak berkemampuan;
- v. KKDW perlu berunding dengan Kerajaan Negeri/PBAN supaya menyelesaikan isu-isu meter yang tidak dipasang kerana ketidakmampuan penduduk;
- vi. KKDW perlu mengemukakan status pelan peralihan bekalan elektrik daripada generator kepada bermeter untuk 15 loji yang berkaitan; dan
- vii. PAC Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri/PBAN disarankan untuk memantau isu berhubung projek BALB.

Berdasarkan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023), tindakan susulan perlu diambil oleh KKDW, JBALB dan JANS selepas Penyata PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.

KKDW melalui MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim terhadap Syor-syor Penyata PAC berhubung BALB kepada PAC pada 27 Mac 2025. Seterusnya, KKDW melalui MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Muktamad Pegawai Pengawal terhadap Syor-syor Penyata PAC tersebut pada 16 Mei 2025.

Berikutan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Pengurusan Projek BALB di bawah KKDW, JBALB dan JANS pada 20 Mei 2025 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

- i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan

- iii. Seksyen 5 (3) (d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

Berikut adalah kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil KKDW, JBALB, dan JANS terhadap Syor-Syor Penyata PAC Parlimen berhubung BALB (DR. 3/2025) seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	20 Februari 2025/ 10.00 pagi	Pembentangan Penyata PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	27 Mac 2025	Laporan Tindakan Susulan Interim – Pengurusan Projek BALB di bawah KKDW, JBALB dan JANS (DR. 3/2025) telah dikemukakan oleh MOF.
3.	29 April 2025	Lawatan Verifikasi terhadap Tindakan Susulan yang diambil KKDW dan JBALB di Kuching, Sarawak.
4.	16 Mei 2025	Laporan Tindakan Susulan Muktamad – Pengurusan Projek BALB di bawah KKDW, JBALB dan JANS (DR. 3/2025) telah dikemukakan oleh MOF.
		Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Penyata PAC Parlimen (DR.15/2024)
		Saksi:
		i. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) - YBrs. Tn. Ramzi bin Mansor, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)
5.	20 Mei 2025/ 2:00 petang	ii. Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) - YBrs. Tn. Meor Ismail bin Meor Akim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
		iii. Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB) - YBrs. Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan, Pengarah
		iv. Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) - YBrs. Tuan Abd. Halim bin Ag Marali, Ketua Penolong Pengarah

***TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC
(DR.3/2025)***



3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN (DR. 3/2025)

- 3.1. Syor 1: KE dan KKDW dengan kerjasama Kerajaan Negeri perlu membangunkan pelan induk BALB bagi memastikan penduduk di luar bandar mempunyai akses kepada bekalan air yang berkualiti dan selamat digunakan.**

Maklum Balas:

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

- 3.1.1. Bidang kuasa berhubung bekalan dan perkhidmatan air adalah terletak di bawah Senarai Bersama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, terdapat tiga (3) agensi utama yang menjalankan fungsi bekalan air mengikut bidang tugas masing-masing iaitu Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), KKDW dan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN).
- 3.1.2. Bidang tugas utama PETRA, antaranya merangkumi penggubalan dasar dan pematuhan aspek perundangan, pelaksanaan projek pembangunan bagi menyediakan sumber air dan pembekalan air ke paip-paip utama serta menyelaras pinjaman bagi pelaksanaan projek-projek bekalan air kepada Kerajaan Negeri.
- 3.1.3. PBAN pula adalah pihak yang bertanggungjawab di peringkat Kerajaan Negeri bagi penyediaan sistem bekalan air, pengoperasian dan penyelenggaraan sistem bekalan air, pembinaan loji rawatan air dan paip utama serta kutipan bil air.
- 3.1.4. Bidang tugas KKDW pula adalah bagi membantu PBAN untuk meluaskan liputan bekalan air ke kawasan luar bandar dengan skop utama adalah

penyediaan infrastruktur iaitu penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah yang masih belum mendapat bekalan air dan menyediakan sistem alternatif bagi kampung yang tidak ekonomi untuk penyambungan paip retikulasi.

- 3.1.5. Pelaksanaan projek-projek BALB oleh KKDW adalah berdasarkan perancangan dan permohonan projek yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri.
- 3.1.6. Permohonan projek BALB diterima oleh pihak KKDW daripada PBAN melalui Bahagian/Unit Perancang Ekonomi Negeri (BPEN/UPEN). Senarai yang diterima telah disemak dan disusun mengikut keutamaan negeri oleh BPEN/UPEN. Seterusnya, KKDW menyemak permohonan tersebut mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Program BALB KKDW bagi menentukan kebolehlaksanaan projek sebelum dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi (KE) mengikut *Rolling Plan* untuk kelulusan projek dan peruntukan.
- 3.1.7. KKDW menyedari kewajaran penyediaan pelan induk BALB, namun begitu, penyediaan pelan induk perlu melibatkan keseluruhan aspek bekalan air seperti yang disediakan oleh Kerajaan Sarawak menerusi penyediaan *Sarawak Water Supply Master Plan and Water Grid*. Penyediaan pelan induk ini memerlukan kolaborasi Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada KE, PETRA dan KKDW serta penglibatan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, adalah wajar penyediaan pelan induk ini diterajui oleh PETRA.

Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)

- 3.1.8. Kerajaan Sarawak telah membangunkan pelan induk di bawah *Sarawak Water Supply Master Plan and Water Grid*, yang merangkumi pelaksanaan projek pembinaan loji rawatan air dan paip-paip utama bagi

meningkatkan akses kepada bekalan air bersih. Pelan induk ini sejajar dengan perancangan strategik bekalan air luar bandar di Sarawak, memastikan liputan bekalan air diperluaskan ke kawasan yang masih belum menerima bekalan air bersih.

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

- 3.1.9. Hanya beberapa daerah sahaja yang mempunyai Pelan Induk setakat ini. JANS akan mengambil usaha untuk melengkapkan Pelan Induk bagi daerah-daerah lain secara berkala/berperingkat.
- 3.1.10. JANS dalam permohonan RP1 RMKe-13 Negeri bagi pelantikan perunding untuk membuat kajian dan penyediaan Pelan Induk bagi seluruh daerah di Sabah.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum tindakan yang telah diambil oleh KKDW, JBALB dan JANS. Namun, PAC sekali lagi menegaskan kepentingan pelan induk berhubung pengurusan projek bekalan air luar bandar bagi menjamin hak asasi air bersih dapat dinikmati di seluruh Malaysia.

3.2. Syor 2: KKDW, Kerajaan Negeri, agensi serta pihak berkuasa yang berkaitan perlu memantapkan kaedah pengurusan projek serta lebih proaktif berkoordinasi secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang siap mengikut jadual.

Maklum Balas:

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

- 3.2.1. KKDW telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan dalam melaksanakan projek BALB selaras dengan teguran LKAN 2/2024. Bermula pada tahun 2023, permohonan projek BALB adalah melalui proses *Value at Entry* (VAE). Brief projek yang tidak jelas atau tidak lengkap akan ditolak sebelum permohonan diangkat kepada KE. Pelaksanaan VAE ini telah ditambahbaik dengan pelaksanaan secara dalam talian sepenuhnya bermula tahun 2025.
- 3.2.2. Prestasi projek BALB dipantau di pelbagai platform baik di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun di peringkat Kerajaan Negeri. Pada peringkat pelaksanaan, Mesyuarat Status Rekabentuk dan Mesyuarat Pemantauan Projek BALB Dalam Pembinaan melibatkan KKDW, Kerajaan Negeri, PBAN, perunding serta kontraktor yang dilantik diadakan secara berkala bagi memantau prestasi projek.
- 3.2.3. Proses reka bentuk projek-projek BALB Sabah dan Sarawak turut mengambil kira keperluan spesifikasi, pandangan dan pertimbangan daripada PBAN. Bagi projek-projek BALB Sabah dan Sarawak dalam peringkat pembinaan, Pegawai Penguasa (SO) yang dilantik adalah daripada kalangan Pengarah PBAN tersebut. Justeru, PBAN juga bertanggungjawab memastikan proses pembinaan projek-projek BALB Sabah dan Sarawak berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.

- 3.2.4. KKDW juga terlibat dengan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri (JTPNg) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Negeri/ Ketua Menteri. Kedua-dua mesyuarat ini memantau prestasi pelaksanaan projek pembangunan yang dibiayai melalui peruntukan pembangunan persekutuan.
- 3.2.5. Selain itu, prestasi pelaksanaan projek turut dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Bersama (JTB) yang dipengerusikan bersama oleh YAB Menteri KKDW dan Ketua Menteri Sabah dan Timbalan Premier Sarawak serta Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Perancangan dan Pemantauan Projek KKDW bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKDW.
- 3.2.6. Selain itu, bagi mempercepat pelaksanaan projek BALB Sabah dan Sarawak, bermula tahun 2023, projek-projek yang diluluskan dengan kos projek sehingga RM50 juta adalah dilaksanakan oleh Jabatan Teknik Sabah dan Sarawak. Hal ini bermaksud, perancangan adalah daripada PBAN, permohonan melalui KKDW, kelulusan daripada KE dan akhirnya dilaksanakan oleh Jabatan Teknik iaitu Jabatan Kerja Raya Sabah dan Sarawak.

Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)

- 3.2.7. JBALB sentiasa komited dalam memantapkan kaedah pengurusan projek serta memperkukuh koordinasi secara berterusan bagi memastikan setiap projek yang dirancang dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

3.2.8. Sehubungan itu, beberapa jawatankuasa dan mesyuarat pemantauan serta penyelarasan secara berkala telah dilaksanakan, antaranya:

- i. Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) Sarawak;
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri Sarawak (JTPNg);
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Perancangan dan Pemantauan Projek KKDW-Sarawak (JTEK);
- iv. Mesyuarat Status Rekabentuk Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sarawak;
- v. Mesyuarat *Task Force* Penyelarasan Projek Pembangunan Persekutuan di Sarawak (Zon Selatan/Zon Tengah/Zon Utara);
- vi. *MUT Development Coordination Committee Meeting* (MDCCM); dan
- vii. *JBALB Project Development Monitoring Meeting*.

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

3.2.9. Pihak JANS terlibat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri (JKTPNg Sabah) bagi projek-projek yang lewat dan sakit yang dibangkitkan bagi usaha membantu menyelesaikan isu projek-projek berkaitan.

3.2.10. JANS juga mengadakan Mesyuarat Pemantauan Prestasi Kemajuan Projek BALB (MPPKP-BALB) setiap tiga (3) bulan bagi memantau prestasi projek-projek BALB seluruh negeri.

3.2.11. Beberapa jawatankuasa dan mesyuarat pemantauan serta penyelarasan secara berkala telah dilaksanakan, antaranya:

- i. Mesyuarat Intervensi Penyelarasan Pemantauan Program Projek Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah;

- ii. Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) Sabah;
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri Sarawak (JTPNg);
- iv. Mesyuarat Status Rekabentuk Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sabah; dan
- v. Mesyuarat Pemantauan Prestasi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sabah (Peringkat Pembinaan).

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum usaha dan tindakan yang telah diambil oleh KKDW. Koordinasi dan kerjasama yang merentasi kementerian serta agensi kerajaan perlu sentiasa dipertingkatkan supaya isu-isu berhubung bekalan air luar bandar dapat diatasi secara cekap dan berkesan.

3.3.Syor 3: KKDW perlu memastikan pihak Kerajaan Negeri/PBAN mengemukakan SOP pelan pencegahan dan pemulihan (*preventive and corrective maintenance*) berjadual sebelum projek diserahkan kepada Kerajaan Negeri/PBAN.

Maklum Balas:

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

3.3.1. KKDW mengambil maklum akan syor PAC dan telah mengeluarkan surat arahan kepada PBAN bagi menyediakan SOP pelan pencegahan dan pemulihan (*preventive and corrective maintenance*) berjadual.

Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)

3.3.2. JBALB telah mengambil langkah proaktif dalam memastikan pelaksanaan penyelenggaraan aset bekalan air secara sistematik dan efisien dengan mengguna pakai *Divisional Operation Manual* (DOM) sejak April 2024. DOM ini berperanan sebagai panduan operasi bagi melaksanakan penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) dan pemulihan (*corrective maintenance*) secara berjadual dan berstruktur.

3.3.3. Dalam *Manual No. 6: Asset & Store Management - Department Transport and Mechanical & Electrical Maintenance, Clause 8.2.5 Maintenance*, DOM telah memperincikan garis panduan bagi memastikan penyelenggaraan aset bekalan air dilaksanakan dengan berkesan.

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

3.3.4. Setakat ini, JANS masih belum memiliki SOP penyelenggaraan aset-aset bekalan air secara rasmi seperti yang disyorkan PAC. Walau bagaimanapun, JANS telah mengeluarkan tender dan melaksanakan kerja-

kerja penyelenggaraan pencegahan dan pemulihan selama tiga (3) tahun bagi aset-aset JANS termasuk projek di bawah program BALB di seluruh negeri.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum inisiatif yang telah dilaksanakan oleh KKDW, JBALB dan JANS. Langkah proaktif perlu diambil bagi memastikan segala garis panduan dan manual operasi standard (SOP) sentiasa dikemaskini dan dipatuhi.

3.4.Syor 4: KKDW perlu memasukkan kos penyediaan tangki air dan pemasangan meter di dalam kos di bawah projek BALB yang melibatkan penduduk yang tidak berkemampuan.

Maklum balas:

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

3.4.1. Cadangan ini sukar untuk dilaksanakan kerana aspek bekalan air terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri terutamanya dari segi penetapan tarif air termasuk pemasangan meter serta kutipan bayaran bil air. Manakala, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap pengurusan perkhidmatan air dari aspek penyediaan infrastruktur bekalan air.

3.4.2. Walau bagaimanapun, bermula tahun 2018, skop program BALB telah diperluas iaitu penyambungan paip daripada *meter stand* ke dapur rumah penduduk. Penduduk hanya perlu memohon penyambungan bekalan air dilakukan semasa projek dalam peringkat pembinaan dengan membayar kos pemasangan meter dan deposit meter air seperti yang ditetapkan oleh PBAN.

Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)

3.4.3. JBALB bersetuju sekiranya kos penyediaan tangki air dan pemasangan meter dimasukkan dalam kos projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi penduduk yang tidak berkemampuan.

3.4.4. Langkah ini bertujuan untuk memastikan golongan sasar, khususnya mereka dalam kategori miskin tegar dan berpendapatan rendah (B40), mendapat akses kepada bekalan air bersih tanpa beban kewangan yang tinggi.

3.4.5. Selain itu, JBALB Sarawak akan memastikan pelaksanaan inisiatif ini berjalan lancar dengan memperincikan peruntukan yang bersesuaian serta menyelaraskan pelaksanaannya bersama pihak berkaitan bagi menjamin keberkesanan program.

3.4.6. Pendekatan ini selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memperluaskan liputan bekalan air bersih di kawasan luar bandar serta memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

3.4.7. Pihak JANS berpandangan positif terhadap kos penyediaan tangki dan pemasangan meter dimasukkan dalam kos projek BALB. Walau bagaimanapun, kos bagi deposit meter air tidak digalakkan dimasukkan dalam kos projek kerana penama pendeposit seharusnya adalah penama pengguna meter air.

3.4.8. Pihak JANS telah mengadakan kempen-kempen dan Hari Bertemu Pelanggan bagi memberi kesedaran dan kepentingan bekalan air bersih. Pada masa yang sama, pihak JANS ada membuka kaunter permohonan meter dalam kempen tersebut.

Ulasan PAC:

PAC menegaskan supaya KKDW bersama-sama pihak Kerajaan Negeri untuk meningkatkan komitmen serta kerjasama dan wajar mengambil langkah proaktif bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada bekalan air bersih.

3.5.Syor 5: KKDW perlu berunding dengan Kerajaan Negeri/PBAN supaya menyelesaikan isu-isu meter yang tidak dipasang kerana ketidakmampuan penduduk.

Maklum Balas:

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

3.5.1. Aspek bekalan air terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri terutamanya dari segi tarif air termasuk pemasangan meter serta kutipan hasil. Oleh itu, isu penyambungan meter air ke rumah-rumah penduduk wajar diselesaikan oleh Kerajaan Negeri.

Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)

3.5.2. Sama seperti maklum balas di syor PAC (4).

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

3.5.3. Sama seperti maklum balas di syor PAC (4).

Ulasan PAC:

PAC sekali lagi menegaskan supaya KKDW bersama-sama pihak Kerajaan Negeri untuk meningkatkan komitmen serta kerjasama dalam penyediaan akses kepada bekalan air bersih di kawasan luar bandar. PAC juga akan menghantar surat kepada pihak JBALB dan JANS serta PAC Negeri bagi tujuan makluman dan pemantauan.

3.6. Syor 6: KKDW perlu mengemukakan status pelan peralihan bekalan elektrik daripada generator kepada bermeter untuk 15 loji yang berkaitan.

Maklum balas:

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

3.6.1. KKDW telah memohon JANS untuk melaporkan status pelan peralihan bekalan elektrik daripada generator kepada bermeter untuk 15 loji yang berkaitan.

Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)

3.6.2. Pihak JBALB mengesahkan bahawa semua loji sedia ada telah disambungkan kepada grid elektrik di bawah Sarawak Energy Berhad.

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

3.6.3. Status semasa penyambungan bekalan elektrik bagi loji rawatan air di Sabah adalah seperti berikut:

SYOR 6

JANS

STATUS TERKINI PERALIHAN LOJI RAWATAN AIR (GENSET) KEPADA PENGGUNAAN BEKALAN ELEKTRIK DI BAWAH SABAH ELECTRICITY

NO	LRA	STATUS	JANGKAAN SIAP
1	LRA PITAS	DALAM PROSES PENYAMBUNGAN TENAGA ELEKTRIK MELALUI SABAH ELECTRICITY DI BAWAH PROJEK BALB LOJI PITAS 2	JULAI 2025
2	LRA TONGOD	DALAM PROSES PENYAMBUNGAN TENAGA ELEKTRIK MELALUI SABAH ELECTRICITY DI BAWAH PROJEK MENAIKTARAF LOJI RAWATAN AIR TONGOD	DISEMBER 2025
3	LRA BARU SEMPORNA	SEDANG DALAM PROSES KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK MELALUI SABAH ELECTRICITY	JUN 2025

25

SYOR 6

JANS

STATUS TERKINI PERALIHAN LOJI RAWATAN AIR (GENSET) KEPADA PENGGUNAAN BEKALAN ELEKTRIK DI BAWAH SABAH ELECTRICITY

NO	LRA	STATUS	JANGKAAN SIAP
4	LRA BOTITION	KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK TELAH DIMASUKKAN DI DALAM PROJEK ROUTINE MAINTENANCE PRIME POWER GENERATING SET AT SANDAKAN WATER TREATMENT PLANTS YANG SEDANG BERJALAN	TARIKH JANGKAAN SIAP KAJIAN: 4 NOVEMBER 2027
5	LRA PAITAN	KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK TELAH DIMASUKKAN DI DALAM PROJEK ROUTINE MAINTENANCE PRIME POWER GENERATING SET AT SANDAKAN WATER TREATMENT PLANTS YANG SEDANG BERJALAN	TARIKH JANGKAAN SIAP KAJIAN: 4 NOVEMBER 2027
6	LRA SUKAU	KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK TELAH DIMASUKKAN DI DALAM PROJEK ROUTINE MAINTENANCE PRIME POWER GENERATING SET AT SANDAKAN WATER TREATMENT PLANTS YANG SEDANG BERJALAN	TARIKH JANGKAAN SIAP KAJIAN: 4 NOVEMBER 2027

26

SYOR 6

JANS

STATUS TERKINI PERALIHAN LOJI RAWATAN AIR (GENSET) KEPADA PENGGUNAAN BEKALAN ELEKTRIK DI BAWAH SABAH ELECTRICITY

NO	LRA	STATUS	JANGKAAN SIAP
7	LRA MEMBATU, TUNGKU	KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK TELAH DIMASUKKAN DI DALAM PROJEK RENTING OF GENSET AND APPLICATION OF PERMANENT POWER SUPPLY AT MEMBATU, TUNGKU, LAHAD DATU WATER TREATMENT PLANT YANG SEDANG BERJALAN	TARIKH JANGKAAN SIAP KAJIAN: 1 OKTOBER 2026
8	LRA PULAU SEBATIK	KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK TELAH DIMASUKKAN DI DALAM PROJEK ROUTINE MAINTENANCE PRIME POWER GENERATING SET AT TAWAU WATER TREATMENT PLANTS	TARIKH JANGKAAN BELUM DAPAT DITETAPKAN DISEBABKAN TENDER PERLU DIPANGGIL SEMULA
9	LRA KG MURUT, KALABAKAN	KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK TELAH DIMASUKKAN DI DALAM PROJEK ROUTINE MAINTENANCE PRIME POWER GENERATING SET AT TAWAU WATER TREATMENT PLANTS	TARIKH JANGKAAN BELUM DAPAT DITETAPKAN DISEBABKAN TENDER PERLU DIPANGGIL SEMULA

27

SYOR 6

JANS

STATUS TERKINI PERALIHAN LOJI RAWATAN AIR (GENSET) KEPADA PENGGUNAAN BEKALAN ELEKTRIK DI BAWAH SABAH ELECTRICITY

NO	LRA	STATUS	JANGKAAN SIAP
10	LRA KALABAKAN	KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK TELAH DIMASUKKAN DI DALAM PROJEK ROUTINE MAINTENANCE PRIME POWER GENERATING SET AT TAWAU WATER TREATMENT PLANTS	TARIKH JANGKAAN BELUM DAPAT DITETAPKAN DISEBABKAN TENDER PERLU DIPANGGIL SEMULA
11	LRA WAYAN	SEDANG DALAM PROSES MELANTIK KONSULTAN BAGI KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK MELALUI SABAH ELECTRICITY	TARIKH JANGKAAN SIAP BELUM DAPAT DITETAPKAN
12	LRA PINANGAH	SEDANG DALAM PROSES MELANTIK KONSULTAN BAGI KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK MELALUI SABAH ELECTRICITY	TARIKH JANGKAAN SIAP BELUM DAPAT DITETAPKAN
13	LRA KALUMPANG 1 (DI BAWAH KONSESI)	SEDANG DALAM PROSES MELANTIK KONSULTAN BAGI KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK MELALUI SABAH ELECTRICITY	TARIKH JANGKAAN SIAP BELUM DAPAT DITETAPKAN
14	LRA SEPAGAYA (DI BAWAH KONSESI)	SEDANG DALAM PROSES MELANTIK KONSULTAN BAGI KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK MELALUI SABAH ELECTRICITY	TARIKH JANGKAAN SIAP BELUM DAPAT DITETAPKAN

28

SYOR 6

JANS

STATUS TERKINI PERALIHAN LOJI RAWATAN AIR (GENSET) KEPADA PENGGUNAAN BEKALAN ELEKTRIK DI BAWAH SABAH ELECTRICITY

NO	LRA	STATUS	JANGKAAN SIAP
15	LRA SEGAMA (DI BAWAH KONSESI)	SEDANG DALAM PROSES MELANTIK KONSULTAN BAGI KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK MELALUI SABAH ELECTRICITY	TARIKH JANGKAAN SIAP BELUM DAPAT DITETAPKAN
16	LRA PULAU BANGGI	PIHAK SABAH ELECTRICITY TIDAK MEMPUNYAI BEKALAN CUKUP BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN LOJI. KAJIAN BAGI ALTERNATIVE POWER SUPPLY SEDANG DIJALANKAN DI BAWAH PROJEK ROUTINE MAINTENANCE PRIME POWER GENERATING SET AT PULAU BANGGI	N/A
17	LRA MALIGAN	SEDANG DALAM PERANCANGAN PROSES KAJIAN PENYAMBUNGAN BEKALAN ELEKTRIK MELALUI SABAH ELECTRICITY	TARIKH JANGKAAN SIAP BELUM DAPAT DITETAPKAN
18	LRA TULID, SOOK	TERDAPAT BEKALAN ELEKTRIK TERSEDIA TETAPI BEKALAN YANG DITERIMA TIDAK STABIL	N/A
19	LRA BUKIT GARAM, KINABATANGAN	SIAP PELAKSANAAN	6 DISEMBER 2024

29

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum berhubung tindakan yang telah diambil oleh pihak KKDW, JBALB dan JANS. Namun, PAC berpendapat bahawa selain isu bekalan air luar bandar, KKDW dan JANS juga perlu menangani isu bekalan elektrik bagi memastikan operasi loji rawatan berlangsung secara lebih konsisten.

3.7.Syor 7: PAC Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri/PBAN disarankan untuk memantau isu berhubung projek BALB.

Maklum Balas:

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

3.7.1. KKDW mengambil maklum syor PAC tersebut.

Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)

3.7.2. Semua syor yang dikemukakan oleh PAC akan dipantau secara berterusan oleh KUT dan JBALB melalui mesyuarat berkala, sebagaimana yang dinyatakan dalam maklum balas Syor PAC (2).

3.7.3. Selain itu, JBALB akan memastikan setiap syor yang diberikan dilaksanakan dengan pemantauan rapi dan tindakan susulan yang bersesuaian bagi mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan serta operasi bekalan air luar bandar.

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

3.7.4. JANS bersedia untuk bekerjasama dengan PAC Negeri Sabah bagi memantau isu-isu berhubung projek BALB.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum terhadap status pemantauan yang dijalankan KKDW, JBALB dan JANS. PAC mengingatkan supaya pemantauan yang berkesan dan berkala perlu diteruskan bagi bekalan air luar bandar.

4. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen DR. 3/2025 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
SELASA, 20 MEI 2025**





MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 20 Mei 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:

**Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar
Sarawak dan Sabah Di Bawah
Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah**

- (i) Kementerian Kewangan**
YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)
- (ii) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)**
YBrs. Tuan Meor Ismail bin Meor Akim
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
- (iii) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)**
YBrs. Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan
Pengarah
- (iv) Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)**
YBrs. Tuan Abd Halim bin Ag Marali
Ketua Penolong Pengarah

**PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 20 MEI 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

Tidak Hadir [*Dengan maaf*]

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee (Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Muhammad Fikri bin Kamarjan [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan JPA)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

PKPj Zetty Juzianty binti Zainuddin [Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya (Sektor Bahagian Siasatan)]

P/PKPj Yasmin Azura binti Yahya [Penolong Kanan Pesuruhjaya (Sektor Bahagian Siasatan)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

YBhg. Datin Hasnira binti Hussin [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi)]

Cik Norasikin binti Hashim [Penolong Juruaudit (Sektor Audit Prestasi)]

Kementerian Ekonomi (KE)

Puan Zaiton binti Yahya [Pengarah (Bahagian Pembangunan Wilayah)]

Encik Nik Khairul Rizal bin Nik Aziz [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam)]

Puan Atikah binti Mokhtar [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Wilayah)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Puan Noor Azira binti Abd Rashid [Akauntan (BPOPA)]

Encik Hafizal bin Ahmad [Akauntan (BPOPA)]

SAKSI**Kementerian Kewangan (MoF)**

YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

YBrs. Tuan Meor Ismail bin Meor Akim [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]

YBrs. Tuan Ahmad bin Tuan Wil [Setiausaha Bahagian (Bahagian Prasarana)]

YBrs. Tuan Mohd Sabri bin Ramly [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti)]

Puan Rusni bin Mohamed [Ketua Unit Audit Dalam (Unit Audit Dalam)]

Puan Nor Faezah binti Ismail [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Prasarana)]

Encik Mohd Aizuddin bin Ahmad [Penolong Setiausaha (Bahagian Prasarana)]

Encik Mohd Khairul Amir bin Mohd Zainud'din [Juruaudit I (Unit Audit Dalam)]

Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)

YBrs. Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [Pengarah]

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)

YBrs. Tuan Abd Halim bin Ag Marali [Ketua Penolong Pengarah]

YBrs. Tuan Jordan Michael Flynn [Jurutera]

Encik Terrence Isaac Majin [Penolong Jurutera]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT

SELASA, 20 MEI 2025

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.00 petang

*[Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Selamat petang, salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas; ahli-ahli ex officio PAC terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan Penasihat Undang-undang Parlimen selaku wakil Jabatan Peguam Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat hari ini.

Sebelum itu, saya ingin menyampaikan salam dan permohonan maaf daripada Pengerusi PAC yang tidak dapat hadir mempengerusikan mesyuarat pada petang ini kerana menghadiri *Asia-Pacific PAC Regional Workshop* di Nadi, Fiji.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, prosiding tindakan susulan pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak dan Sabah di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) petang ini adalah untuk mendapatkan penjelasan dan maklum balas daripada KKDW terhadap syor-syor PAC dalam Penyata PAC (DR3/2025) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 20 Februari 2025.

Dalam penyata PAC tersebut, terdapat tujuh syor PAC yang dikemukakan iaitu:

- (i) KE dan KKDW dengan kerjasama kerajaan negeri perlu membangunkan pelan induk BALB bagi memastikan penduduk di luar bandar mempunyai akses kepada bekalan air yang berkualiti dan selamat digunakan;
- (ii) KKDW, kerajaan negeri, agensi serta pihak berkuasa yang berkaitan perlu memantapkan kaedah pengurusan projek serta lebih proaktif berkoordinasi secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang siap mengikut jadual;
- (iii) KKDW perlu memastikan pihak kerajaan negeri ataupun PBAN mengemukakan SOP pelan pencegahan dan pemulihan (*preventive*

- and corrective maintenance*) berjadual sebelum projek diserahkan kepada kerajaan negeri ataupun PBAN;
- (iv) KKDW perlu memasukkan kos penyediaan tangki air dan pemasangan meter di dalam kos di bawah projek BALB yang melibatkan penduduk yang tidak berkemampuan;
 - (v) KKDW perlu berunding dengan kerajaan negeri ataupun PBAN supaya menyelesaikan isu-isu meter yang tidak dipasang kerana ketidakmampuan penduduk;
 - (vi) KKDW perlu mengemukakan status pelan peralihan bekalan elektrik daripada generator kepada bermeter untuk 15 loji yang berkaitan; dan
 - (vii) PAC Negeri Sabah dan kerajaan negeri ataupun PBAN disarankan untuk memantau isu berhubung projek BALB.

Sehubungan itu, saya berharap MOF, KKDW serta Jabatan Air Sabah (JANS) dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak telah bersedia untuk memberikan maklum balas terhadap syor-syor ini seperti yang dikehendaki dalam Arahan Perbendaharaan 304(b) Tahun 2023.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, hadir bagi memberi penjelasan kepada PAC dalam prosiding pada hari ini ialah Yang Berusaha Tuan Ramzi bin Mansor, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP) (Pengurusan) MOF yang menggantikan Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood bin Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) yang tidak dapat hadir pada petang ini. Yang kedua ialah Yang Berusaha Tuan Meor Ismail bin Meor Akim, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Pembangunan) KKDW yang menggantikan Yang Berbahagia Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar, Ketua Setiausaha yang juga tidak dapat hadir pada petang ini. Yang ketiga ialah Yang Berusaha Tuan Ahmad bin Tuan Wil, Setiausaha Bahagian (SUB) Prasarana KKDW dan keempat, delegasi daripada JBALB dan JANS.

Jadi tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berusaha Tuan Ramzi bin Mansor, TKSP untuk memulakan pembentangan. Silakan. Terima kasih.

Tuan Ramzi bin Mansor [Kementerian Kewangan (MOF)]: Okey, terima kasih Timbalan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Puan Teresa dan juga Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen. Bersama-sama saya pada hari ini, di sebelah kanan saya ini adalah Yang Berusaha Encik Meor Ismail bin Meor Akim, TKSU (Pembangunan) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah; dan sebelah kiri saya ini Tuan Ahmad yang juga Setiausaha Bahagian (Prasarana) di KKDW untuk sesi prosiding pembentangan tindakan susulan pegawai pengawal terhadap syor-syor dalam Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah di bawah KKDW telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2024 mengenai aktiviti kementerian, jabatan persekutuan dan badan-badan berkanun persekutuan yang telah dibentangkan di Parlimen pada 4 Julai 2024. So, PAC Parlimen telah memutuskan untuk membawa isu ini dalam dua mesyuarat prosiding PAC Parlimen pada 30 Julai 2024 dan juga pada 2 Oktober 2024. So, Laporan PAC berhubung isu ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 20 Februari 2025. Seperti mana Pengerusi beritahu, terdapat sebanyak tujuh syor PAC yang berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh pegawai pengawal KKDW selaras dengan Arahan Perbendaharaan (Pindaan) 2023, 304(b).

Seterusnya, KKDW melalui Kementerian Kewangan telah mengemukakan laporan tindakan susulan interim bagi isu ini kepada PAC Parlimen pada 27 Mac 2025 dan laporan tindakan susulan muktamad pada 16 Mei 2025. Sehubungan dengan itu, KKDW pada hari ini akan membentangkan kepada PAC Parlimen status tindakan susulan yang telah dilaksanakan terhadap syor-syor PAC Parlimen berhubung isu ini.

Secara ringkasnya, berdasarkan kepada laporan yang telah dikemukakan, pihak Kementerian Kewangan berpandangan bahawa kesemua tujuh syor merupakan penambahbaikan berterusan yang sedang dalam tindakan oleh KKDW serta pihak berkuasa air bagi Sarawak dan juga Sabah.

So, untuk penjelasan terperinci berhubung status tindakan yang diambil, izinkan saya untuk menjemput Yang Berusaha Encik Meor Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah bagi memulakan pembentangan ini. Dipersilakan.

Tuan Meor Ismail bin Meor Akim [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Yang Berhormat Puan Teresa selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC); Yang Berhormat Ahli-ahli PAC; Yang Berusaha Tuan Ramzi selaku TKSP; tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada PAC kerana memberi peluang kepada pihak kementerian untuk memberikan penjelasan berhubung tindakan susulan pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak dan Sabah yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Pihak kementerian akan memberi kerjasama yang terbaik dalam memberikan jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan yang akan dibangkitkan pada sesi prosiding ini.

Bersama kita pada prosiding ini adalah Pengarah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB) dan pegawai-pegawai Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) yang akan

memberi penjelasan lebih lanjut berhubung tindakan susulan ke atas pengurusan projek-projek bekalan air di Sarawak dan Sabah.

■1410

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Pengerusi, Ahli-ahli PAC, tuan-tuan, bagi pelaksanaan Program BALB KKDW di negeri Sarawak dan Sabah, JBALB dan JANS berperanan sebagai pegawai penguat kuasa (SO) bagi setiap Projek BALB di bawah KKDW. JBALB dan JANS akan mengawal selia dan memantau proses pembinaan di tapak serta menyelesaikan isu-isu berbangkit semasa fasa pembinaan. Projek BALB yang telah siap akan diserahkan kepada JBALB dan JANS selaku pihak berkuasa negeri (PBAN) bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan serta kutipan bil air. Kementerian telah melalui dua sesi prosiding PAC berkaitan pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah. Pertama, pada 30 Julai 2024 di Parlimen, Kuala Lumpur. Sesi kedua pula telah diadakan di Kota Kinabalu pada 2 Oktober 2024.

Didahului dengan lawatan tapak ke Daerah Sandakan pada 30 September 2024. Kementerian mengambil maklum Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah yang telah dibentangkan pada 20 Februari 2025 antara lain berkaitan tujuh syor PAC. Susulan itu, kementerian telah mengemukakan laporan tindakan susulan interim secara bertulis terhadap syor-syor dalam Laporan PAC pada bulan Mac 2025 dan laporan tindakan susulan muktamad pegawai-pegawai terhadap syor-syor PAC pada bulan Mei 2025 kepada Kementerian Kewangan.

Seterusnya, saya dengan hormat menjemput Yang Berusaha Tuan Ahmad bin Tuan Wil, selaku Setiausaha Bahagian Prasarana KKDW bagi meneruskan dengan pembentangan. Dipersilakan.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [Setiausaha Bahagian (Prasarana), KKDW]: Terima kasih Encik Meor, TKSU Pengurusan KKDW. Yang Berhormat Naib Pengerusi - Puan Teresa Kok Suh Sim dan Ahli PAC iaitu Dato' Mohd Isam daripada Tampin- Yang Berhormat Tampin, Tuan Haji Azli bin Yusof daripada Shah Alam dan juga Yang Berhormat Dr. Hajah Halimah Ali daripada MP Kapar. Terus kepada *next* slaid itu. Susulan daripada laporan tindakan susulan interim yang telah dikemukakan oleh pihak KKDW, proses verifikasi bagi isu yang dirujuk dalam syor satu sehingga syor tujuh serta isu berkaitan tangki perkhidmatan yang tak digunakan seperti yang dilaporkan dalam LKAN 2/2024 telah dilaksanakan menerusi dua sesi mesyuarat lawatan fizikal di Kuching dan semakan dokumen di KKDW.

Berdasarkan slaid, lawatan verifikasi telah dibuat pada— telah dilakukan pada 29 April di Kuching, Sarawak. Hanya soalan yang Ahli PAC sahaja daripada Yang Berhormat Betong, Dr. Richard dan pada masa yang sama kita membuat lawatan ke tapak tangki di Batu 9 ¾ di Kuching. Kita juga ada mengadakan mesyuarat dan taklimat oleh JBALB dan juga lawatan ke

JBALB *Command Centre* lah untuk sesi ini. Okey, untuk verifikasi dalaman di peringkat Kementerian KKDW. Di peringkat kementerian, Bahagian Prasarana dan juga Unit Audit Dalam telah mengadakan verifikasi pada 7 Mei 2025 dan kita telah menyemak balik semua dari aspek-aspek daripada syor-syor tersebut.

Okey, syor satu seperti yang saya akan ringkaskan kepada- daripada PAC iaitu syor satu dari segi penyediaan dan pembangunan Pelan Induk BALB. Syor dua berhubung dengan pengurusan projek serta koordinasi antara agensi di peringkat *Federal* dan juga di peringkat-dalam kes ini negeri Sabah dan Sarawak.

Syor tiga, kementerian ataupun KKDW perlu memastikan khususnya kerajaan negeri untuk menyediakan SOP pelan pencegahan dan pemulihan yang berjadual sebelum projek diserahkan kepada kerajaan negeri itu sendiri (PBAN) ataupun pihak berkuasa air negeri. Syor empat, yang ini berhubung dengan kos penyediaan tangki air dan juga pemasangan meter dalam kos projek.

Syor lima, perundingan antara kerajaan negeri supaya untuk menyelesaikan isu-isu pemasangan meter air dan juga penduduk untuk menerimalah bekalan air. Syor enam, kementerian perlu mengemukakan status pelan peralihan bekalan elektrik daripada generator kepada bermeter untuk 15 loji yang berkaitan. Syor tujuh, PAC negeri Sabah dan kerajaan negeri di sarankan untuk memantau isu berhubung Projek BALB pada masa akan datanglah. Kita pergi kepada syor satu, berdasarkan syor daripada PAC. KE dan KKDW dengan kerjasama kerajaan negeri perlu membangunkan Pelan Induk BALB.

Saya akan bercerita sedikit berhubung dengan fungsi kementerian dan agensi yang berkaitan berhubung dengan perkhidmatan bekalan air. Dari segi isu berhubung dengan bekalan air ini, seperti yang saya telah jelaskan sebelum ini dalam PAC sebelum ini. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air iaitu PETRA, dia suatu kementerian yang menggubal dasar dan juga pematuhan aspek perundanganlah dari segi perkhidmatan bekalan air.

Seterusnya, yang fungsi-fungsi utama ialah pelaksanaan projek pembangunan bagi menyediakan sumber air, maknanya sumber air ini di bawah bidang kuasa PETRA iaitu pembekalan air ke paip utama. Dalam kes ini, dia berbeza sedikit dengan KKDW yang mana kementerian hanya menyokong dari segi perkhidmatan, penyediaan projek-projek pembangunan, yang mana kita akan menyambung paip retikulasi dari paip-paip utama ke rumah-rumah yang masih belum mendapat bekalan air. Ia ada *separation* dari segi bidang kuasa utama itu.

Ketiga di bawah PETRA juga, kementerian juga menyelaras pinjaman bagi pelaksanaan projek bekalan air kepada kerajaan negeri. Contohnya, saya bagi contoh projek-projek untuk menggantikan paip-paip usang dan paip-paip lama dan juga di kawasan-

kawasan selain di kawasan luar bandarlah, di kawasan-kawasan yang bandar, *areas* lainlah. Fungsi pihak berkuasa air negeri secara umumnya, pembinaan loji rawatan air dan paip utama, pengoperasian dan penyelenggaraan sistem itu sendiri, bekalan air dan juga penetapan tarif dan juga kutipan bil air.

Di bawah KKDW, yang pertama tadi saya sebut tadi cuma untuk penyambungan daripada paip utama ke rumah dan juga menyediakan sistem alternatif bagi kampung tradisional yang tidak ekonomik untuk penyambungan paip retikulasi. Ini kita akan menyediakan air bersihlah, dia bukan air terawat. Dari segi perancangan projek di bawah Program BALB KKDW. Pelaksanaan Projek BALB adalah berdasarkan kepada perancangan dan permohonan projek yang dikemukakan oleh kerajaan negeri itu sendiri.

Maknanya, dari segi *cycle* projek tersebut, maknanya permohonan dikemukakan kepada kementerian dan kementerian akan menyemak, menyaring dan melihat kebolehlaksanaan projek tersebutlah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh kementerian. Dalam aspek ini, kita biasanya akan tengok dari segi kos projek, bilangan penduduk kampung yang tidak mempunyai meter dan juga kita akan tengok dari segi perbandinganlah dari segi paip itu. Makna, ada atau tidak, itu senang kita tengok dan juga kalau kita tengok kos itu terlalu tinggi, projek itu kemungkinan tidak akan— kita tidak akan mohonlah kepada Kementerian Ekonomi.

Juga penyediaan Pelan Induk BALB perlu melibatkan keseluruhan aspek bekalan air seperti yang telah disediakan oleh seperti *Sarawak Water Supply Master Plan and Water Grid*. Ini kita sudah ada lah, di bawah UPEN Sarawak untuk perancangan pada masa depan sehingga tahun— berapa? 2040 ya? Saya ingat tahun 2040, makna ada satu dokumen yang sangat lengkap, *very comprehensive* sehingga tahun 2040.

■1420

Okey, itu sahaja. Seterusnya, *next*. Ini contohlah. Dipersilakanlah Tuan.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: [*Ketawa*] Dengan *detail*.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)]: Terima kasih. Selamat petang Yang Berhormat Pengerusi. So, untuk *Sarawak Water Supply Master Plan*, ingin saya kongsikan sedikit Pelan Induk Bekalan Air dan Sistem Grid Air Sarawak yang merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Sarawak bagi memastikan pengurusan sumber air yang mampan, sistem pengagihan yang cekap dan juga penyediaan bekalan air bersih yang mencukupi kepada seluruh rakyat negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, setakat ini dari segi liputan bekalan air bersih di Sarawak, kita hanya mencapai 70 *percent*, 71 *percent* untuk kawasan luar bandar. Pelan ini dirancang untuk menangani cabaran utama dalam pengurusan air termasuklah

kekurangan sumber sistem agihan yang tidak efisien dan juga gangguan bekalan air terutamanya di kawasan luar bandar.

Dari segi objektif utama pelan ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan sistem grid air bersepadu iaitu menghubungkan bahagian Kuching hinggalah ke bahagian Miri dan juga meningkatkan kapasiti infrastruktur contohnya loji-loji, sistem pam dan juga paip-paip utama sebelum projek-projek KKDW akan di-*tap* daripada projek paip utama ini.

Ketiga adalah untuk meningkatkan kawasan liputan bekalan air bersih. Seperti yang saya maklum tadi, kita hanya mencapai 71 *percent* untuk negeri Sarawak dan juga yang keempat adalah untuk pengurusan sumber air yang lebih mampan dan lestari. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Okey. Untuk di bawah Jabatan Air Negeri Sabah, dari segi —Cuma saya nak *highlight* sedikit, dari segi maknanya satu dokumen yang lengkap seperti yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, Sabah masih tidak mempunyai satu pelan induk yang lengkaplah.

Cuma, berdasarkan input daripada Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) telah membuat permohonan kepada Kementerian Kerja Raya Sabah dalam *rolling plan* pertama tahun depan. Makna tahun ini, dah minta dah di bawah rancangan RMKe-13 bagi pelantikan perunding untuk membuat kajian dan penyediaan pelan induk (*master plan*) bagi semua daerah di Sabah dengan lebih komprehensiflah. So, saya jemput.

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Yang Berhormat Pengerusi, berkenaan dengan kajian *master plan* ini, kajian ini dicadangkan dalam RMKe-13 dan di bawah peruntukan biayaan negeri. Sekiranya lulus kajian ini akan mula dilaksanakan pada tahun hadapanlah. Sekiranya kajian ini telah siap, dia akan *supersede* pelan-pelan induk yang ada pada masa kinilah yang —Cuma dia punya jajaran paip (*pipeline*) punya *mapping*. Itu saja, terima kasih.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Untuk makluman Yang Berhormat dan semua ahli PAC lah, dari segi aspek penyediaan pelan induk bekalan air luar bandar ini, berdasarkan syor tadi, kita tengok bahawa PAC mencadangkan ada satu pelan induk yang menyeluruhlah. Cuma, di peringkat kementerian, kita menyedari kewajaran penyediaan pelan induk ini. Namun begitu penyediaan pelan induk perlu melibatkan keseluruhan aspek bekalan air seperti yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak menerusi penyediaan *Sarawak Water Supply Master Plan and Water Grid*.

Kita juga sedar bahawanya penyediaan pelan induk ini memerlukan satu kolaborasi antara Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada Kementerian Ekonomi, PETRA dan juga KKDW serta penglibatan kerajaan negeri. Cuma untuk dari segi kalau kita lihat dari segi pewujudan atau penyediaan pelan induk secara menyeluruh di peringkat satu negara ataupun peringkat negara, kami di sinilah berpandangan bahawa pelan induk perlu diketuailah ataupun

disediakan oleh PETRA yang mana dia kementerian tersebut merupakan satu kementerian peneraju dari aspek pengurusan bekalan air di mana kita sendiri tahu bahawa projek BALB itu merupakan satu program untuk menyokong dari aspek pengurusan air negaralah.

Makna kita tengok cuma di kawasan-kawasan, kampung tradisional sahaja dan dari skop projek yang mana ia lebih mudah dan kos yang lebih rendahlah berbanding projek-projek yang besar di bawah PETRA. Itu sahaja.

Untuk syor kedua, KKDW, kerajaan negeri serta agensi serta pihak berkuasa yang berkaitan perlu memantapkan kaedah pengurusan projek serta lebih proaktif, berkoordinasi secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang siap mengikut jadual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi platform, dari segi kerjasama antara kementerian dan juga agensi-agensi lain serta *stakeholders* iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan juga Parlimen, kita tengok kementerian dan kerajaan negeri memang dari segi aspek koordinasi ini kita bermula dari aspek perancangan projek lagi yang mana permohonan asal daripada kerajaan negeri. Dari segi keutamaan projek-projek yang kita akan kemukakan kepada Kementerian Ekonomi untuk pertimbangan dan juga kelulusan bermula dari aspek perancangan lagi.

Selepas projek itu diluluskan oleh Kementerian Ekonomi, mengikut *rolling plan*, berdasarkan RMK, di peringkat kementerian, kita akan melaksanakan sesi *engagement* awal berdasarkan kelulusan projek itu dan juga menerusi bermula daripada mesyuarat-mesyuarat di peringkat awal iaitu *even* ataupun bermula daripada peringkat reka bentuk lagi, peringkat awal perancangan, kita bersama-sama agensi pelaksana iaitu dalam kes ini kalau macam projek bekalan air luar bandar ini kita akan melantik untuk bagi negeri Sarawak, biasanya di bawah JBALB lah sebagai agensi pelaksana dan juga sebagai *superintendent officer (SO)* untuk sesuatu projek.

Sama juga dengan Jabatan Air Negeri Sabah. So, bermula daripada situ, sesi *engagement* ini kita dah *start* dah. Kita akan melihat dari segi kebolehlaksanaan projek pada peringkat awal lagi dan juga sehingga pelantikan perunding, pelantikan kontraktor, tempoh *construction* ataupun pembinaan projek dan juga sehingga tutup akaun muktamadlah untuk satu projek tersebut.

Pada masa yang sama, beberapa agensi lain yang terlibat iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM juga akan memantau bagi projek-projek yang bermasalah ataupun projek sakit, lewat jadual. Kita akan memantau secara bersamalah. Ada berbagai mesyuarat iaitu di bawah satu jawatankuasa tertinggi bersama antara kementerian dan juga Kerajaan Negeri Sarawak, MTPNg, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi —Ini mesyuarat MTPK lah kalau di kementerian, kalau negeri MTPNg dan juga JTPNg. Juga kita juga ada melaksanakan program intervensi biasanya yang ini akan diketuai oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan.

Seperti yang dikatakan tadi, peringkat reka bentuk, pembinaan dan juga kita juga ada mesyuarat di peringkat spesifik peringkat KKDW dan Kerajaan Negeri Sarawak lah. Yang dalam kes ini biasanya kita dengan ICU Sarawak di bawah kita panggil JTP yang dipengerusikan bersama oleh TKSU(P) dan juga Pengarah SIMU. SIMU ini makna ICU Sarawak lah membawa pelaksanaan di Sarawak.

Di peringkat kerajaan negeri ada juga platform *taskforce*, MDCCM dan juga JDMM. Di peringkat KKDW, kita ada *special meeting* dua kali setahun iaitu MEXCLUB yang dipengerusikan oleh Menteri KKDW sendiri dan juga peringkat kementerian di MTPK dan juga JTPK yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga di peringkat JTPK dipengerusikan oleh KSU lah. Okey, *next*.

Syor tiga, berhubung dengan pengemukaan SOP pelan pencegahan dan pemulihan (*preventive and corrective maintenance*) berjadual, semua projek diserahkan kepada kerajaan negeri/PBAN .

■1430

Dalam kes ini kementerian telah meminta supaya JBALB dan JANS untuk menyediakan SOP, pelan pencegahan dan pemulihan berjadual pada 21 April berdasarkan syor tersebut. Okey *next*. Di peringkat JBALB, JBALB mempunyai satu manual *Divisional Operation Manual*. Jadi. mohon tuanlah.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB]: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi. So, untuk *Divisional Operation Manual* di peringkat Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak, kita mempunyai satu dokumen yang khas untuk kita melakukan *maintenance* ataupun *routine maintenance* dan *preventive maintenance* untuk aset-aset yang kita bina termasuklah aset-aset yang telah dilaksanakan di bawah KKDW.

So, melalui *operation manual* ini kita akan mengadakan, menyediakan *termed contract* ataupun kontrak berjadual untuk menjalankan penyelenggaraan berkala ataupun *routine maintenance*. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad bin Tuan Will [KKDW]: Untuk Jabatan Air Negeri Sabah, setakat ini kalau berdasarkan pemakluman, dari segi aspek pencegahan ataupun penyelenggaraan pencegahan dan perolehan aset bekalan air, JANS telah mengeluarkan tender dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan dan pemulihan selama tiga tahun bagi aset-aset JANS termasuk projek-projek di bawah program BALB di seluruh Sabahlah. Untuk makluman lanjut, dipersilakan JANS.

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Untuk makluman, kita ada tiga kontrak iaitu *maintenance repair and routine maintenance of water pipeline* bagi 14 projek. Kedua, *maintenance contract* bagi *mechanical and electrical* dan ketiga adalah *building facilities maintenance works*.

Untuk makluman semua, bagi projek ini tiada terma rujukan kerana projek ini tidak melibatkan pelantikan perunding. Walau bagaimanapun, kerja-kerja adalah berdasarkan skop kerja yang terdapat dalam *contract document*.

Tuan Ahmad bin Tuan Will [KKDW]: Ok *next*. Untuk syor empat, KKDW perlu memasukkan kos penyediaan tangki air dan pemasangan meter dalam kos di bawah projek BALB yang melibatkan penduduk yang tidak berkemampuan.

Untuk makluman semua, aspek bekalan air terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri terutama dari segi penetapan tarif air termasuk pemasangan meter serta kutipan bayaran bil air secara bulanan dan Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap pengurusan perkhidmatan air dari aspek penyediaan infrastruktur bekalan air dan kes ini di bawah program BALB hanya untuk penyediaan tangki air retikulasi daripada paip utama ke penduduk-penduduklah di bawah program BALB ini.

Cuma bermula tahun 2018, skop program BALB telah diperluas iaitu penyambungan paip daripada *meter stand* ke dapur rumah penduduk berserta satu *PDI pipe*. Dalam kes ini, penduduk yang hendak bekalan air tersebut perlu memohon penyambungan bekalan air dilakukan semasa projek dalam peringkat pembinaan dengan membayar kos pemasangan meter dan deposit meter air seperti yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa air negeri. Ada maklumat tambahan?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB]: Untuk JBALB Negeri Sarawak, kos pemasangan meter yang biasa kita tetapkan adalah antara RM80 ke RM100 dan untuk deposit meter untuk Sarawak, JBALB, kita tak ada *collect* deposit untuk pengguna-pengguna luar bandar.

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Manakala bagi negeri Sabah, kita tertakluk kepada Enakmen Bekalan Air Sabah yang mana bagi permohonan meter, kos bagi deposit meter air adalah atas nama pengguna itu sendiri. Maknanya semua pemohon yang ingin memohon meter rumah sama ada luar bandar ataupun bandar adalah perlu membayar deposit.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Berapa deposit ya?

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Bagi negeri Sabah, deposit adalah RM100 dan meter air adalah RM130. Ada lagi caj duti setem RM10.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang Sarawak tadi deposit tidak ada, meter bayar?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB]: Meter bayar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Setem.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB]: Kita tak *collect* deposit untuk luar bandar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey luar bandar ya.

Tuan Ahmad bin Tuan Will [KKDW]: Okey boleh saya teruskan ya. Untuk syor keempat, cuma untuk syor keempat cuma sini kita *highlight* dalam satu *slide* ini dari aspek syor tadi. Untuk *nature of the project* ini kita di peringkat kementerian dan projek-projek ini melibatkan pembangunan muka sauk ataupun *water intake*. Muka sauk ini kadang-kadang kita tak berapa faham. *Water intake* daripada punca air dan bagi projek-projek yang memerlukan loji rawatan air. Yang ini satu kos-kos tinggi yang perlu ditanggung oleh kementerian, yang ini melibatkan kos-kos loji rawatan air.

Kita akan bina juga loji rawatan air sekiranya *design* untuk sesuatu kawasan itu memerlukan loji rawatan air untuk membekalkan kepada penduduk atau masyarakat setempatlah seperti yang dipohon oleh kerajaan negeri. Apabila ada loji rawatan air, dia ada benda-benda lainlah termasuk rumah pam, tangki simpanan, *suction tank* dan juga *meter stand* seperti yang telah diluluskan pada tahun 2018, termasuk dalam skop dan daripada situ kita akan, makna penduduk akan menikmati satu bekalan air bersih atau *treated water*, air terawat daripada muka sauk tersebut dan komponen-komponen tersebutlah.

Ini satu *design* yang *simple* sahaja dan ia ada pelbagai *design*, memerlukan, mengambil masa yang lamalah untuk kita mengemudikan satu projek yang boleh membekalkan secara *sustainable* kepada penduduk atau masyarakat setempat yang memerlukan bekalan air tersebut. Okey, *next*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ini boleh saya tanya tentang permohonan meter air oleh penduduk yang bila kami berada di Sabah, saya rasa saya pernah dengar ada penduduk yang tidak mampu bayar bil air kan. Jadi, kalau yang bila kita buat semua projek ini melalui ada keluarga, ada rumah yang kata mereka ini sudah tua, tidak ada duit, tidak mahu bayar semua itu macam mana.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ada syarat juga, rumah mesti siapkan tangki air, tak *sure* berapa liter. Itu sebab kalau setakat deposit RM100 itu mungkin orang kampung mampu tapi syaratnya mesti ada tangki air 300 gelen dan sebagainya.

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Berkenaan dengan tangki itu sebab kita ada satu keseragamanlah untuk permohonan sebab di Sabah ini dia lain sedikit. Dia tidak ada pembahagian antara luar bandar dengan bandar. So, maksudnya satu enakmen itu adalah merangkumi untuk keseluruhan. Jadi standard yang kita ada sekarang ini untuk permohonan meter adalah memerlukan ada tangki. So, *that's why* yang pada ketika itu di luar bandar pun terpaksa kena ikut itu peraturanlah.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Itu yang orang kampung tak mampu sebab dia perlukan tangki air itu. Macam saya cakap tadilah, setakat deposit dia boleh bayar tetapi tangki air itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Berapa itu?

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Saya ingat dalam RM700, RM800 tak silap sayalah.

■1440

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Ini adalah sebenarnya puncanya adalah disebabkan oleh dengan keadaan bekalan air yang tidak berapa stabil di Sabah. So, kita mewajibkan agar semua pengguna ada tangkilah sebab kita punya ketidakstabilan air, ada masa yang tidak ada air, jadi pada ketika itu akan menyebabkan masalah kepada pengguna.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, dia *chicken and egg* kan? Masalahnya orang susah, miskin. Dia hendak *supply* air bersih tetapi *you all* kata kalau tidak ada tangki, prasyaratnya kalau tidak ada tangki air, *you* tidak sediakan tangki air dulu, kami tidak nampak, tidak payah mintalah sebab kita tidak akan *supply*. Masalah dia ini tadi, dia ini bukan orang kaya. So, selagi mana dia tidak mampu hendak sediakan tangki so dia tidak dapat bekalan air sampai bila-bila, itu satu.

Yang keduanya, *you all* punya sebab, kata kenapa buat prasyarat? Sebab *you all* punya bekalan air tidak stabil. *It's from you all* punya *source*. *You are putting the* – kepada pelanggan, bakal pelanggan. *Which is not fair*, kenapa kita hendak bagi bekalan air bersih kepada penduduk di luar bandar? Sebab, *the treated water*, dia ada hak kepada air ini, kan? Tetapi sekarang ini kerana dia tidak mampu, dia tidak dapat bekalan sebab *you all* kata *you* kena letak tangki. Kita boleh masukkan tetapi letak tangki air walaupun deposit tadi berapa, RM100 dan sebagainya, itu yang dia mampu tetapi tangki air dia tidak mampu.

Kenapa tidak bagi sediakan? Yalah macam dahulu, so kalau hendak catu, ambil apa? Baldi kah, benda-benda yang dia boleh, yang dia mampu *because* tangki air ini pula bukannya yang biasa-biasa, dia ikut *spec*. Itu yang mahal tu. So, *how you solve the problem? Because now we are talking about rakyat, centric* punya *approach*. Terima kasih.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ada cadangan tak KKW? Dahulu daripada – sampai meter je. Meter ke rumah dibuat oleh *owner* rumah. Ada cadangan KKW untuk *supply* juga untuk tangki air ini untuk warga orang kampung atau orang susah ini.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKWD]: Untuk makluman Yang Berhormat, cuma di peringkat kementerian kita dari segi skop penyediaan setakat ini kita tidak ada dah penyediaan tangki air tersebut. Cuma berdasarkan daripada maklum balas Jabatan Air Negeri Sabah dan juga Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak, dia orang mengalukanlah dari segi cadangan tersebut. Cuma implikasinya kepada skop projek yang bertambah dan kenaikan kos di peringkat kementerian dan sekiranya ada satu kata putus, kita juga memerlukan dari segi dasar barulah yang mana memerlukan juga persetujuan daripada *central agency*, dalam kes ini *especially* daripada Kementerian Ekonomi sebab ia akan meningkatkan kos kepada skop projek.

Dari segi data-data kita menunjukkan bahawa sekiranya dimasukkan skop tersebut, penyediaan tangki air, kos itu akan dimasukkan dalam skop sekiranya ada satu keputusan yang menetapkan semacam itu. Di pihak kementerian kita juga tengok dari segi *separation* antara kos-kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan negeri dan juga kos yang juga perlu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Itu sahajalah kalau ada...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, kita rujuk *slide number* 16 KKW ini. So, Kementerian Ekonomi sudah bersetuju dinaikkan daripada RM100,000 hingga RM120,000 untuk setiap rumah, kan?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...itu dari segi kadar kos untuk *per house*, per rumah. Maknanya dari segi kos projek total secara keseluruhan dibahagikan dengan bilangan penduduk. Maksimum kos yang daripada pembahagian tersebut hanyalah RM150,000. Itu yang terkini, yang dasar-dasar tersebut yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Maknanya RM120,000. Biasanya di peringkat pelaksanaan awal kita sudah semak permohonan dari kerajaan negeri khususnya JANS atau JBALB.

Sekiranya kos itu tidak dapat – apabila kita bahagikan dengan jumlah penduduk melebihi RM150,000, kita sudah kaji balik projek-projek tersebut. Ada *certain* projek itu lebih sedikit RM120,000 kita akan minta pertimbangan khas daripada Kementerian Ekonomi. Biasa tidak ada masalahlah, kalau sedikit-sedikit lebih itu. Cuma kalau lebih banyak, kadang-kadang kita akan minta batalkan projek dan kita akan kurangkan skop projek tersebut.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey, hendak tanya dari Sabah ini. Berapa harga kos tadi, tangki air itu?

Seorang Ahli: Berapa gelen?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang diwajibkan oleh jabatan air. Ini dia punya peraturan. Harga kos-kos. Kurang RM1,000, lebih RM1,000.

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Kurang daripada RM1,000.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kurang daripada RM1,000? Jadi saya punya *point* ialah, kalau dikatakan RM120,000 ini *inclusive of everything*, sampai dia dapat air dalam dapur dia itulah, kan? *This is what it means*, kan? RM120,000 itu kan? Itu maknanya, kan? So, kalaulah RM1,000 sahaja yang menyebabkan dia tidak dapat langsung air ini, kenapa tidak tambah lagi sedikit RM1,000 itu jadilah RM121,000? *Holistic solution to the problem* kepada orang miskin di luar bandar.

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Boleh, saya tambah sedikit? Sebenarnya berkenaan dengan kos RM120,000 itu kita di Sabah kita dapati bahawa kedudukan muka bumi dengan kedudukan antara rumah-rumah itu dia *scattered*. So, kalau dia tertumpu dalam satu tempat itu, maksudnya dengan jumlah penduduk yang sekian ramai, jadi saya rasa kos

itu mungkin boleh menampung. Tetapi bagi kawasan-kawasan yang rumah dia adalah jauh-jauh, dia akan menyebabkan kos keseluruhan kalau dibahagi dengan jumlah penduduk, jumlah rumah, kos dia akan melebihi daripada RM120,000. Apabila kita cadangkan yang begini, bahawa kita tidak akan dapat mencapai objektif untuk memberi bekalan ke seluruh kawasan luar bandar tersebutlah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tadi Sarawak kata dia sudah cover 70 peratus bekalan air luar bandar. Sabah berapa peratus?

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Lebih kurang 70 peratus.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Samalah. So, katakan ada tempatnya di Sabah ini, *drain*-lah, apa benda, susah hendak sambung dan sebagainya, *it's going to be very expensive*. So, kenapa tidak mulakan yang kita kata yang komprehensif, termasuklah kalau tidak diwajibkan, tangki air itu tidak ada masalah, kan? Tetapi kalau hendak masukkan juga sebagai wajib, *compulsory*, ada tangki baru kita sambung so yang RM121,000 yang saya kata ini, *this is* cadangan. *You all* kajilah *the fact and figures*, apa semua, kan? Kepada yang *low-hanging fruits*, bukannya yang susah-susah itu, yang *low-hanging fruits* supaya 70 percent boleh naik 71 percent, boleh naik 75 percent, kan?

Kalau hendak tunggu semuanya, semua sudah ada, semua lengkap, mungkin payahlah hendak dapat 100 percent itu daripada 2025 ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Cuma untuk makluman, pembetulan sedikit, kadar *per house* itu memang RM120,000.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Average*.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *It's not average*, itu kadar ya, kadar RM120,000. Sekiranya bekalan tangki air dimasukkan, kita tidak pasti hargalah, itu harga RM1,000 tidak pasti harga mana. Cuma di peringkat kerajaan negeri pun dia ada juga program-program pembekalan tangki air, biasanya tangki biru itu kan? Tangki biru, tangki kuning. Pergi Sabah nampak, rumah-rumah kampung ini.

Saya tidak pastilah harga dia berapa dan di bawah *state* pun memang ada bantuan kepada penduduk masyarakat untuk bekalan air alternatif sama ada daripada graviti ataupun daripada takungan air hujan ditadah dan dimasukkan dalam tong tersebut. Sudah ada satu program khas. Di peringkat Federal, Persekutuan, biasanya kalau keperluan tong-tong ini untuk tangki air ataupun tangki air biasanya diuruskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, biasanya ada satu peruntukan *one-off* diberikan kepada khususnya di negeri Sabah dan Sarawak dan di bawah KKDW pun kita ada satu projek khas dahulu dan *one-off*, adapun kita bagi dan menelan kos ratusan juta pada masa tersebut.

Cuma, kalau PAC *emphasis* kepada untuk memasukkan dalam skop projek, kita di peringkat kementerian, saya tak pasti macam mana. Cuma, kena dapatkan juga pandangan daripada *central agency*, maknanya di sini Kementerian Ekonomi. Dia yang akan mengawal dari segi peruntukan tersebutlah. Dan skop-skop tersebut, ia akan meningkatkan kepada kenaikan kos kepada projek tersebutlah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya nak tambah sikit, Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: Sila.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Kalau kita lihatkan seperti mana yang disebutkan oleh Kapar tadi dengan kos RM120,000 *per house*, lepas itu berbanding dengan katalah 1,000 kah, 2,000 kah, kos untuk tangki itu untuk membolehkan penduduk mendapat manfaat air itu, saya rasa bukan isu besar yang perlu di-*highlight*-kan— pada sayalah. Fasal, ia punya nisbah itu terlalu kecil. Maknanya peranan negeri, peranan wakil rakyat boleh menampung usaha itu. Jadi, pada sayalah, ia bukan isu yang besar yang sepatutnya menjadi *highlight* mengapa penduduk itu tidak boleh mendapat manfaat itulah.

Jadi, maknanya, di peringkat awal lagi saya rasa bila KKDW menetapkan projek ini, dapatkan peruntukan, maknanya mesti sudah ada satu kerjasama dengan sama ada negeri— “*Okay, this is the scope of central agency*”, “*This is scope of negeri*”. Supaya bila projek itu siap, ia tidak tergantung begitu sahajalah sehingga menyebabkan rakyat tak dapat manfaat daripada itu.

Itu pandangan sayalah. Maknanya tak perlu sampai kita nak— akhirnya bila bekalan itu tidak sampai, kita terpaksa pula nak meminta lagi daripada *central agency*. Tetapi, daripada awal lagi kita dah tentukan, okey, kita dah tahu dah apa bendanya yang nak sampaikan. Itu pandangan saya. *Wallahualam*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sikit tambahan daripada Shah Alam itu. *Bottom line*, sebab kita prosiding inikan, *bottom line*-nya ialah bekalan air bersih luar bandar Sabah dan Sarawak— yang lain-lain apa itu sekali— tercapai.

So, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan negerikah, Kerajaan Pusatkah? Ini nak PRN Sabah pulanya. Yang kata tadi *ad hoc, ad hoc*. Tiba-tiba, ada tangki air. Tapi, tak bolehlah buat macam itu— *ad hoc, ad hoc*, kan? Ia kena sistematik.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *One-off*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Itu *one-off*, *one-off* itu biasa nak pilihan raya *kut...*
[Ketawa]

Tuan Ramzi bin Mansor [MOF]: Tak ada wakil KE dekat sini?

Puan Zaiton binti Yahya [Ex-officio, Kementerian Ekonomi]: Yang Berhormat Pengerusi, bagi kami di KE ini, perkara pertama adalah kita perlu lihat balik— KKDW perlu adakan mesyuarat jawatankuasa teknikal antara KKDW dengan pihak berkuasa air negeri

(PBAN) dan keluarkan garis panduan yang baharu. Baru boleh dibawa kepada KE untuk kita pertimbangkan.

Apa yang menjadi ini, kita melihat dari segi peningkatan kos dan ia melibatkan bukan hanya di Sabah dan Sarawak, mungkin ia akan terkena juga kepada negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. Itu komen daripada KE. Terima kasih.

Tuan Ramzi bin Mansor [MOF]: Yang Berhormat, saya Kementerian Kewanganlah. Semua pun nanti kewangan adalah MOF.

Cuma, saya tengok macam ini. Ada tempat di mana kita boleh dapat penjimatan, ada tempat di mana kita tengok yang mana prioriti. Kalau kita mempunyai hasrat kita untuk pastikan rakyat dapat air bersih, so, kena cari cara yang sesuai. Tapi dalam masa yang sama, bagi sayalah, kena pastikan negeri Sabah atau Sarawak, kena kira berapa implikasi kewangan kalau memerlukan tangki. *Because* saya rasa tak semua rakyat kita akan bagi tangki *free*. Cuma rakyat yang berpendapatan rendah.

So, identify berapa ramai yang terlibat. Kalau betul *simple* matematik kata *less than RM1,000* untuk satu tangki, so, kalau melibatkan RM100,000, kita boleh kira di mana kita tengok kos lain yang kita boleh jimat, kita tampung yang di sini.

Bagi saya, di peringkat negeri, dia kena *identify* berapa implikasi kewangan dan angkat kepada Kementerian Luar Bandar ataupun PETRA untuk kita bincang di peringkat *central agency*. *At least*, buat cara macam itulah. Itu rasa lagi *better* daripada kita buat sampai dekat— “*You tak ada tangki, you tak dapat air bersih*”. Macam mana ini? Kita dah ada infra tapi nak sampai dekat rumah itu bagi syarat yang di mana rakyat tak mampu untuk memilikinya. *That’s why* kena fikir yang cara yang terbaiklah.

Itu pandangan *personal*. Walaupun saya daripada MOF tapi kena tengoklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tuan Ramzi, kan? Saya sebenarnya nak tanya pihak Sabah. Kita ada pegawai daripada Sabah. So, sekarang dari segi implementasi, macam mana? Kalau dalam satu kampung satu baris itu ada mungkin dua, tiga rumah memang dia tak mampu langsung untuk ada tangki, ada bayar meterkah, semua itu, adakah kamu masih masuk bagi dia tangki dan tegakkan itu meter air, lepas itu pergi yang lain, minta dia mungkin *sign* itu surat IOU kepada kerajaan negeri? Adakah kamu buat macam ini? Atau *you ignore*? Itu paip sampai sana, *you* tak ada duit, tak ada tangki, saya teruskan. *So, what’s happening now?*

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Semasa pelaksanaan projek, paip retikulasi memang kita akan laksanakan sama ada melalui di kawasan yang kurang kemampuan ataupun macam manalah. So, siap sahaja itu projek ia punya retikulasi, *and then*, kita akan pasang ia punya *stand*, lepas itu ada paip ke dapur. So, selepas itu, kita akan uar-uarkan

melalui macam kempen bertemu pelanggan bahawa untuk menarik pengguna-pengguna baharu untuk memohon meterlah. Begitu sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Kalau mereka tak mohon, tak ada air?

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Ya.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: YB, saya tambah sikitlah. Cuma, dari segi di peringkat Jabatan Air Negeri Sabah ini, kita tengok— bila kita sorot kembali ulasan LKAN 2024 tersebut, kita tengok dari segi penyambungan meter untuk projek-projek tersebut memang berada dalam keadaan rendahlah. Maknanya dari segi peratus itu rendah. Pada peringkat awal, kita mengenal pasti sebanyak beberapa rumah yang memerlukan air tersebut, bekalan air ke rumah-rumah dan apabila siap projek itu, tak ramai yang akan membuat penyambungan meter.

Cuma, dari segi isu yang terperinci itu, kemungkinan JANS tahulah kenapa ada sesetengah penduduk itu mungkin dia berasa dah selesai dengan bekalan air yang sedia ada itu dan menyebabkan penduduk yang nak menerima air terawat ini— sebab, dia bukan setakat pasang meter itu, dia kena bayar bil bulanan itu. Kemungkinan itulah, kepada *future* itu. Kemungkinan tersebut, itu salah satu puncalah saya tengok, saya rasakan bahawa komitmen bulanan untuk membayar bil air itu. *Instead of* pembayaran deposit pada permulaan dan juga pembayaran-pembayaran tertentulah untuk penyambungan bekalan air tersebut.

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Antara sebab lain juga, ada beberapa kawasan terutama di kawasan hulu, dia orang sebelum ini ada bekalan air alternatif. Selepas itu, kita salurkanlah paip air terawat ke situ. Dan ada juga yang kita jumpa apabila kita maklumkan bahawa air terawat ini akan ada bil kemudian— pada mulanya, dia orang memang menyambut baik untuk ada saluran paip air terawat ini ke kawasan mereka. Tetapi, apabila sudah sampai siap projek itu dan kita ada beritahu bahawa perlu memohon kepada jabatan air dan benda ini akan ada bil, ada sesetengahnya yang mengatakan bahawa, “*Ai, ada bil?*” So, dia orang tidak mahu dan mereka masih lagi menggunakan dia punya sistem alternatif yang sedia ada.

■1500

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, nak tanya sebab dia punya *achievement* itu, Sabah dan Sarawak lebih kurang 70 percent. So makna, 30 percent lagi yang belum dapat bekalan air bersih ini. Percuma pun tidak. [Ketawa] So, yang 30 percent itu, yang tidak masuk itu, adakah termasuk yang telah pun disebutkan oleh tuan tadi? Maknanya, paip itu ada tetapi tidak boleh disambungkan ke rumah dia sebab dia tak nak bayar bil. *Is that right?* Makna, *project is done* tetapi dia tidak sampai ke hujung sebab itu tadi dia tak nak bayar *the bill*. So, *it is included in your 30 percent?*

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *The last-* bukannya *the last mile, mile* itu jauh. *Just* berapa meter ini sahajalah. *That is your main problem now*, kan?

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Liputan itu— okey. Berkenaan dengan liputan itu, dia bukan mengira kepada jumlah yang macam tadi itulah. Lalu depan rumah dia, dia tidak pasang meter kan? Tetapi pentafsiran bagi kita, liputan itu adalah kawasan-kawasan yang telah ada batang paip. Maksudnya, kawasan itu walaupun belum orang *apply* meter tetapi kita *consider* dia sudah diliputi dengan bekalan air terawat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Paip kah?

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Yalah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sudah ada?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBLAB]: Untuk Sarawak, kawasan kita memang *totally* tidak ada *pipeline* lagi.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Two different scenario* ini.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBLAB]: Betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, yang ini tadi kalau dia sudah ada paip, hendak sambung ke rumah sahaja, itu sahaja. So, dia kena ada *out of the box* punya *measures*.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Liputan air yang dimaksudkan tadi, liputan untuk suatu tempat itu dari segi kiraan *percentage* tadi. Maksudnya, kalau di Jabatan Air Negeri Sabah, *once* kita sudah sediakan kemudahan tersebut, kita anggap tempat itu kita sudah *covered*-lah. Sekiranya dia tidak berminat, maknanya dia akan reda dengan bekalan air bersih yang sedia ada itulah. Makna, air terawat yang disediakan melalui paip poli yang sudah ada klorin itu. Maknanya, kita sudah *cover*-lah untuk kawasan tersebut. Kalau penduduk tak nak terima, kawasan itu kira kita dah *covered* dari segi *percentage* lah. Sebab dia tak nak terima, kita tidak boleh paksa, YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *But*, definisi yang sudah terima itu tadi lainlah juga. Macam kita macam dekat sinilah, kita dekat Semenanjung ini, yang ada akaun dengan Jabatan Bekalan Air. Maknanya, dia dapat air, bukan yang tidak ada itu. Katalah setinggan itu, walaupun dia dapat air tetapi mungkin curilah tetapi *it's not inside your* syarikat bekalan air punya radar. Dia kena curi, yang ini yang dia bayar, yang ada akaun air. Lain dia punya maknanya.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Di bawah SPAN sebenarnya, formula liputan air ini dia kira macam bilangan penduduk dan juga penduduk yang ada akaun. Sebab dia bagi- sebab akan keluar satu jumlah dan kebanyakan *90 percent* ke atas. Cuma yang uniknyanya di negeri Kelantan, liputannya rendah di bandar, di luar bandar lagi tinggi dari segi *water coverage* untuk penerimaan air terawat tersebut dan dia ada keunikan masing-masing, ada

unik dia sendiri. Sebab ada sesetengah penduduk di kawasan bandar di Kelantan, dia akan menggunakan sama ada air *boring*, sedut daripada dalam itu dan juga *open well*, perigi terbuka. Itulah jadi isu... [Masalah teknikal MIM]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, mungkin boleh teruskan, ada *slide*.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Syor 5, okey ya. Untuk syor kelima, KKDW perlu berunding dengan kerajaan negeri atau pihak berkuasa negeri supaya menyelesaikan isu-isu meter yang tidak dipasang kerana ketidakmampuan penduduk. Cuma dari segi untuk syor-syor ini, kementerian berpandangan aspek bekalan air terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, terutamanya dari segi penetapan tarif dan juga pengutipan bil kutipan hasil tersebut. Kita berpandangan isu penyambungan meter air ke rumah-rumah ini, penduduk wajar diselesaikan oleh kerajaan negeri ataupun pihak berkuasa air negeri. Tadi kita telah mendengar input daripada JBLAB dan JANS dari aspek macam mana penglibatan dari segi aspek sesi *engagement* untuk memastikan penduduk menikmati bekalan air terawat tersebut. Tuan, kalau hendak tambah lagi sesi Randau ini.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBLAB]: Untuk Sarawak setakat ini, kita tidak ada mempunyai masalah yang besar ataupun penduduk yang tak nak perkhidmatan air daripada JBLAB. So, kes yang kita hadapi di Serian ini adalah kes terpencil, *but* kerana dua atau tiga penduduk yang telah mempunyai sistem graviti. So, mereka tak nak sambung air kepada bekalan air paip kita. Yang lain, *so far* tidak ada masalah di negeri Sarawak. So, semua hendak air bermeter.

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Bagi Sabah, seperti yang telah saya maklumkan tadi. Kita akan sering mengadakan kempen dan Hari Bertemu Pelanggan di daerah-daerah bagi mempromosikan untuk memohon meter dan hal-hal lain lagi.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Untuk syor keenam, KKDW perlu mengemukakan status pelan peralihan bekalan elektrik daripada generator kepada bermeter untuk 15 loji yang berkaitan. Pihak kementerian kita telah mengeluarkan surat bertarikh 21 April, khususnya kepada Jabatan Air Negeri Sabah bagi status pelan peralihan bekalan elektrik daripada generator kepada bermeter bagi loji rawatan air. Ini merupakan susulan dapatan daripada Jabatan Audit Negara berhubung dengan penyambungan bekalan elektrik ke loji rawatan air tersebut. Untuk maklumat lanjut, silakan. Ada 19 kan?

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Berikut adalah status terkini bagi loji-loji rawatan air tersebut. Pertama, Loji Rawatan Air Pitas, yang ini statusnya adalah dalam proses penyambungan tenaga elektrik melalui Sabah Electricity di bawah Projek BALB Loji Pitas 2 yang dijangkakan siap pada Julai inilah, Julai 2025. Kedua, Loji Rawatan Air Tongod. Ini dalam proses penyambungan tenaga elektrik melalui Sabah Electricity di bawah Projek

Menaik Taraf Loji Rawatan Air Tongod dan jangkaan siap pada Disember 2025. Ketiga, Loji Rawatan Air Baharu Semporna, yang ini sedang dalam proses kajian penyambungan bekalan elektrik melalui SESB. Jangkaan untuk kajian ini siap pada Jun 2025.

Seterusnya, Loji Rawatan Air Botition, status adalah kajian penyambungan bekalan elektrik telah dimasukkan ke dalam Projek *Routine Maintenance Prime Power Generating Set at Sandakan Water Treatment Plant* yang sedang berjalan. Tarikh jangkaan kajian siap pada 4 November 2027. Seterusnya, Loji Rawatan Air Paitan juga dimasukkan dalam Projek *Routine Maintenance Sandakan*. Jangkaan siap kajian sama seperti di atas, 4 November 2027 serta Loji Rawatan Air Sukau.

Manakala nombor 7, Loji Rawatan Air Membatu Tungku. Kajian penyambungan bekalan elektrik telah dimasukkan dalam Projek *Renting of Genset and Application of Permanent Power Supply at Membatu Tungku, Lahad Datu Water Treatment Plant* yang sedang berjalan dan tarikh jangkaan siap kajian adalah pada 1 Oktober 2026.

Bagi nombor 8, Loji Rawatan Air Pulau Sebatik. Nombor 9, Loji Rawatan Air Kampung Murut, Kalabakan. Nombor 10, Loji Rawatan Air Kalabakan.

■1510

Yang ini kajian penyambungan bekalan elektrik telah dimasukkan dalam Projek *Routine Maintenance Prime Power Genset at Tawau Water Treatment Plant* yang mana projek ini sedang tender dan perlu dipanggil tender semula. Tarikh jangkaan bagi kajian ini belum dapat ditetapkan.

Seterusnya Loji Rawatan Air Wayan. Yang ini sedang dalam proses melantik perunding bagi kajian penyambungan bekalan elektrik melalui Sabah Electricity. Jangkaan juga tidak dapat ditetapkan. Loji Rawatan Air Pinangah, Loji Rawatan Air Kalumpang I, Loji Rawatan Air Sepagaya. Yang ke-15, Loji Rawatan Air Segama, yang ini juga sedang dalam proses melantik perunding bagi kajian penyambungan bekalan elektrik melalui Sabah Electricity (SE).

Seterusnya yang ke-16, Loji Rawatan Air Pulau Banggi. Pihak Sabah Electricity tidak mempunyai bekalan cukup bagi menampung keperluan loji dan kajian bagi *alternative power supplies* sedang dijalankan di bawah Projek Routine Maintenance Prime Power Generating Set at Pulau Banggi. Yang ke-17...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi nak tanya Pulau Banggi itu. So, kajian itu bila siap?

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Kajian itu, sekejap. Yang Pulau Banggi, masih dalam kajian kah? Itu kontrak— sekejap ya. Nanti kita dapatkan maklumat berkenaan ini. Okey, saya teruskan. Loji Rawatan Air Meligan sedang dalam proses perancangan proses kajian penyambungan bekalan elektrik melalui Sabah Electricity.

Ke-18, Loji Rawatan Air Tulid. Ini terdapat bekalan elektrik sedia ada tapi bekalan yang diterima adalah tidak stabil dan maka penggunaan *genset* masih diperlukan untuk pengoperasian loji tersebut. Yang terakhir Loji Rawatan Air Bukit Garam, Kinabatangan telah siap pelaksanaan penyambunganlah pada 6 Disember 2024.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, saya nak tanya sikit...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, sila, sila.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Terima kasih atas penjelasan itu. Ini yang disebutkan tentang kajian siap 2027 ini baru, dia baru peringkat kajian kan? Maksudnya kalau peringkat pelaksanaan itu lagi jauhlah, mungkin tak tahu bilalah kan mengikut kepada jajaran baharu penyambungan bekalan tenagalah ya. Ya lah, maksudnya lambat lagilah kalau nak kirakan sebab 2027 kajian baru siap. Maksudnya nak siap kajian itu pun bergantung kepada maklumat daripada elektrik Sabah bila dia orang nak masuk semua, betul maksudnya begitu?

Tuan Ramzi bin Mansor [MoF]: Saya Yang Berhormat, saya pun bila tengok, baca kajian itu nak mengambil masa *too long*, terlalu lamalah.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Betul.

Tuan Ramzi bin Mansor [MoF]: Itu kajian, bila siap kajian itu nanti *finding* dia itu tak tahu bila pula nak buat. Ia kena angkat dekat KE, nak untuk sediakan permohonan. So, I tak tahu maksud kajian itu peringkat Sabah itu apa maksud kajian?

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Maksud kajian itu adalah pelantikan perunding untuk membuat dia punya *detail* permohonan *PD9 form*, lukisan semua itu. Lepas itu, sebenarnya yang macam di sini kita ada nyatakan tarikh jangkaan siap itu sebab kita pun belum lagi dapat dia punya kajian itu siap pada bila.

Jadi, tarikh jangkaan siap itu adalah berdasarkan tarikh siap bagi projek macam ini contoh Loji Rawatan Air Kampung Membatu Tungku adalah tarikh siap Projek *Renting of Genset and Application of Permanent Power Supply at Membatu* itu. Kita gunakan tarikh itu saja. Sebenarnya memang tempoh dia adalah lebih panjang tapi mungkin kajian itu dia sebenarnya lebih pendek masa dialah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Juga saya tengok ini, sebab kita pun tak berapa faham dia punya *locale* apa itu kan, hanya Pulau Banggi *is a real island* kan pulau betul-betulkan, kan? Yang lain itu *is the main* Sabah...

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Pulau Sebatik.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pulau Sebatik. Kalau dekat dalam Sabah itu sendiri pun dah apa, tak tahu bila siap yang pulau itu lagilah dia punya MoF senyum sajalah, Ekonomi lagilah sebab dia orang nak beri apa kan, permohonan dan sebagainya. *It's going to be* banyak lagilah kosnya kan daripada yang di *mainland* itu.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Yang Berhormat ya. Untuk dari segi penyediaan penyambungan bekalan elektrik ke loji rawatan air ini dia bukan kos-kos di bawah Jabatan Air Negeri Sabahlah maknanya di bawah peruntukan kerajaan negeri. Bagi sesetengah ini, saya buat *assumption* ya, saya buat *assumption*. Bagi sesetengah projek saya merasakan yang *power supply* dari Sabah Electricity itu mungkin jauh dan ia memerlukan satu projek khusus untuk menyambungkan bekalan elektrik kepada loji rawatan air dan dia tidak dimasukkan dalam kos projek di bawah KKDW, yang ini di bawah kerajaan negeri.

Bila projek ini siap, dia menggunakan kuasa alternatiflah seperti *genset* maknanya kuasa diesel tadi untuk *running out* dia punya loji rawatan air tersebut. Di peringkat Jabatan Air Negeri Sabah seperti yang telah disyorkan oleh PAC, di dalam peringkat *planning* untuk menggunakan punca kuasa yang lebih stabil iaitu *the grid* elektriklah, itu mungkin mengambil masa.

Juga dalam kes penyediaan bekalan elektrik ini ia merupakan satu cabaran kepada Jabatan Air Negeri Sabah di peringkat jabatan sendiri untuk mendapatkan *power supply* ataupun bekalan elektrik daripada Sabah Electricity. Ini yang mana kita sedia maklum dari segi keperluan kuasa bekalan elektrik ini di kawasan-kawasan khususnya dia kawasan luar bandar ini merupakan satu cabaran jugalah kepada Jabatan Air Negeri Sabah. Itu sahajalah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey ada soalan lagi?

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Minta persoalan pokok dia tadi itu. *[Ketawa]* Saya dengan Tuan Ramzi sama pendapatlah kenapa kajian itu ambil masa terlalu lama. Maksudnya sampai dua tahun baru boleh dapat. *At least* maksudnya dapatan awal jangkaan mungkin, okey kalau katakan Sabah Electricity, *master plan— grid master plan* dia sekian-sekian baru sampai itu, *you already know*. Maksudnya *you* akan terus bergantung kepada *genset* untuk sekian lamalah maksudnya kan. Tetapi tak faham kenapa sampai 2027 untuk dapatkan hasil kajian itu.

Encik Terrence Isaac Majin [Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)]: Okey. Sebenarnya tempoh masa itu ia ada kontrak *maintenance* itu ialah tiga tahun sebenarnya. Skop kajian itu adalah dalam kontrak *maintenance* punya kontrak itu. So, dia boleh buat dalam tempoh tiga tahun itu. Mungkin dia boleh siap awal, mungkin dia boleh siap lambat. So, yang kita letak sini itu adalah tarikh tamat kontrak *maintenance* itu sebenarnya. Itu sebab kita letak sampai 2027, ada 2026. Skop kajian bagi penyambungan SESB itu adalah salah satu skop dalam kontrak *maintenance* itu. Salah satu bil daripada skop projek *maintenance* itu.

So, memandangkan kita belum tahu bila pihak kontraktor itu menyiapkan kajian tersebut dan kita letakkan tarikh tamat kontrak *maintenance* itu sajalah buat masa ini.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang Pulau Banggi itu ada grid kah? Dia jauh juga itu naik bot itu.

■1520

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Dia ada grid. Bukan grid — melalui grid kah atau *power station* macam mana di bawah SE? Saya tak pasti sebab bawah Sabah Electricity ataupun kemungkinan tak stabil dari segi bekalan kuasa tak cukup di Pulau Banggi lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sebab itu memang pedalaman sungguhlah itu. Kalau nak Kementerian Wilayah dan Desa, desa sungguhlah itu. *[Ketawa]*

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Dia Pulau Banggi saya dah pergi sekali dah dululah ya, dia nak kata pedalaman itu, dia satu pulau. Dia nak kata pedalaman, tak pedalaman sangat ini satu kawasan dia. Pulau itu pulau besarlah. Dari segi kemudahan jalan semua, ada. Cuma dari segi *power supply* daripada Sabah Electricity saya tak pasti macam mana dari segi grid dia punya itu, sama ada tak cukup — tapi nampaklah tiang elektrik itu dekat pulau tersebut. *[Ketawa]* Mungkin tak cukup *power kut*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: So, macam isu ini bukan masalah mereka sahaja. *[Ketawa]* Also with the electricity board in Sabah. Ayo *[Ketawa]* Adoi.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Dia sebenarnya untuk maklumat tambahanlah, dari segi untuk loji rawatan air ini biasa kalau kita di Semenanjung ini biasa kita tak ada masalah tersebutlah dari segi bekalan kuasa yang mencukupi dan bekalan elektrik untuk *running* dia punya loji rawatan itu. *At the same time*, pada masa yang sama di Sabah, dari segi *coverage* bekalan elektrik pun dia tak tinggi sangatlah. Berapa persen saya tak pasti, tapi *90 percent above*. Cuma sebenarnya kita 99.9 peratus. *[Ketawa]* Sarawak 97 peratus, Sabah rendah sikit.

Untuk kawasan-kawasan terpencil, yang ini yang dari segi kuasa bekalan elektrik itu tak cukup untuk *running* kita punya loji rawatan air itu, *water treatment plant* itu. Di pulau-pulau itu memang ada masalahlah untuk makluman Ahli Yang Berhormatlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Itu sebab / lihat *you* punya *you know*, status, ada yang sebut *genset* kan? *Instead of electricity, you* guna *genset* untuk pam itu air. Betul?

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Ya YB Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ini perkara yang mereka tak boleh buat apa-apa kan? Kerana — *what?* SESB *ha?* Sabah Electricity Board?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Sabah Electricity (SE) sebenarnya, SE.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: SESC?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Sabah Electricity, SE.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Oh.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Dulu SESB, Sabah Electricity Sdn Bhd. Dia ada *rebrand* dan juga dia ada — tak pasti peringkat negeri Sabah. Dia dah tukar. Dulu dia anak syarikat TNB, sekarang ini dah bawah kerajaan negerilah, Sabah Electricity. Dia tak ada isu, cuma dari segi RE, kita tengok dari segi *carbon emission*. Kita tengok makna penggunaan *genset* diesel ini dia tak mesra alamlah kalau kita tengok kita ke arah tenaga lestari buat masa ini dan dia melibatkan kos yang tinggilah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Timbalan Pengerusi, sikit saya tambahan soalnya. Dalam Laporan PAC yang awal itu ialah kita lihat antara aspek kelemahannya dari segi penyediaan infra asasnya dan juga penyelenggaraan loji itu sendirilah termasuk kita bincang tadi soal peralihan daripada *genset* kepada grid ini. Dalam prosiding ketiga kami, lawatan ke Sabah itu ada ditanyalah berkaitan dengan kemampuan dari segi *manpower*, pegawai-pegawai di Jabatan Bekalan Air Sabah itu sendiri yang nampak masih lagi tak dapat menampunglah dari segi soal operasi dan juga pemantauan di loji-loji itu. Yang pernah saya tanyalah, dikatakan hanya ada beberapa orang jurutera-jurutera yang maknanya satu Sabah itu dua atau tiga orang sahaja. Jadi, mungkin tak dapat nak *cover* dari segi kita nak melihat kesediaan infra tadi itu.

Jadi, mungkin sudah pun dilihat itu soal kemampuan tenaga manusia itu di pihak Jabatan Bekalan Air Sabah. Justeru, bagaimana nak di-*upgrade* balik? Sebab contoh satu, bila kami melawat Projek Empangan Tawau yang tertangguh itu, antara punca juga ialah kerana di pihak Jabatan Bekalan Air Sabah itu dia tidak ada pegawai di *ground* itu untuk nak membuat pemantauan *progress* kepada projek itu, kontraktor yang diberi itu. Jadi, bagaimana juga Jabatan Bekalan Air Sabah itu lihat perkara ini supaya maknanya, kita lihat ada kelemahan-kelemahan penambahbaikan infra itu, tetapi pegawai-pegawai yang memantau itu tidak cukup. Jadi, itu juga sebagai satu perkara yang perlu diselesaikanlah. Minta pandangan sikit.

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Berkenaan dengan kakitangan penjawat awam ini, ini adalah di bawah bidang kuasa JPANS lah. Kita memang sudah ada memohon, tetapi bergantung kepada kelulusan daripada kerajaan negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri lah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya, kita faham itu. Tapi maksudnya di pihak kita, agensi inilah yang membuat *follow-up* dan *push* ya, kepada perkhidmatan awam ini supaya perkara itu perlu disegerakan. Kalau tidak, kita nampak akan *drag* masa lebih panjang lagi untuk nak selesaikan. Kita tengok tadi pelan kita pun agak lama. Jadi, saya ingat *manpower* itu sangat penting untuk pemantauan itu sendiri. Jadi, itu antara yang kita lihat antara kelemahan-kelemahan peringkat awal dalam prosiding kita dululah.

Yang kedua sikit, juga berkaitan dengan kita lihat cadangan-cadangan PAC itu sendiri, koordinasi yang mungkin agak longgar di antara agensilah, KKDW sendiri dan pihak kerajaan negeri. Jadi, bagaimana perkara ini dapat diatasi, sama ada sudah diwujudkan *joint task force* di kalangan agensi itu sendiri dari segi penyelarasan dan juga *follow-up* apa-apa yang perlu diperbaiki itu? Adakah sudah ada jawatankuasa ini ataupun hanya sekadar staf yang ada? Rutin yang dibuat itu, bagaimana dilihat perkara ini?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Untuk menjawab soalan YB lah, yang ini antara platform-platform di peringkat jawatankuasa yang kita libatkan termasuk *stakeholders* untuk sesuatu projek bekalan air lah sama ada Sabah, Sarawak. Ada sesetengah mesyuarat itu dipengerusikan oleh Menteri KKDW dan juga di peringkat pegawai pengawal iaitu KSU itu sendiri. Yang ini di peringkat dari aspek dari segi perancangan dan pemantauan di peringkat pihak ataupun pegawai pengurusan tertinggalah ya, sehingga di peringkat Menteri.

Di peringkat teknikal pun kita ada. Makna kita ada seperti mesyuarat JTEK di peringkat kerajaan, di peringkat federal iaitu di bawah KKDW dan juga saya kata tadi, macam semua agensi di Sarawak. Makna KKDW dengan semua agensi di Sarawak termasuk JBALB. Contohnya yang saya bagi, contoh. ICU Sarawak dan juga semua-semua agensi pelaksana yang melaksanakan projek-projek di bawah program masing-masinglah.

Cuma di peringkat *planning* pun kita memang dari segi penglibatan semua agensi dan juga koordinasi terutama sekali sehingga di permohonan keperluan untuk memohon projek tersebut. Kita dah terlibat di peringkat awal lagi. Kita juga ada mesyuarat di peringkat kementerian dan juga *even* di peringkat negeri masing-masing untuk memantau khususnya projek-projek yang bermasalah, khususnya projek lewat jadual, projek-projek sakit. Bagi projek-projek sakit ini, kita juga akan adakan satu mesyuarat intervensilah yang biasanya diuruskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan JPM. Kalau di Sarawak, kita ada ICU Sarawak dan di Sabah kita juga ada ICU Sabah. Pada masa yang sama, ICU HQ pun akan melihat juga perkara-perkara tersebutlah.

Itu dari aspek pemantauan projek. Juga di peringkat perancangan awal, kita juga terlibat dari segi penentuan reka bentuk projek itu sendiri ataupun *design project* yang mana kementerian dan juga pihak berkuasa air negeri masing-masing, JBALB dan JANS, kita akan bersama-samalah untuk memastikan satu projek tersebut direka, dilaksanakan dan dapat mencapai maksud atau *outcome* yang diperlukanlah.

■1530

Yang ini antara platform-platform yang di bawah kementerian, perkongsian antara kementerian dan kerajaan negeri dan juga di peringkat kerajaan negeri. Itu sahajalah dari segi koordinasi pelaksanaan sesuatu projek tersebut YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, satu lagi, antara juga penemuan kita ialah projek-projek bekalan itu yang jadi tidak dapat di-*implement* sehingga ke maknanya sampai ke *end user* lah, pengguna, itu ialah soal penyelesaian— isu meter air yang sebahagian penduduk itu dia tak boleh nak pasang, kan? Dia tak ada duit, dia kos itu ya. Jadi, itulah yang awal dulu prosiding ini ditimbulkan.

Jadi ya lah, pihak KKDW dia punya [*Tidak jelas*] itu ialah juga termasuk penyediaan retikulasi daripada paip utama itu ke rumah-rumahlah. Jadi itu juga, mungkin juga sudah ada dalam radar pihak KKDW, bagaimana hendak atasi penduduk yang dia tak boleh hendak pasang meter air ini, jadi mungkin sebab itu ada juga menyebabkan penemuan kita ialah banyaknya kecurian air di beberapa tempat. Termasuk disebut hari itu dekat KK itu Penampang, Penampang itu ya.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Penampang.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Penampang ya, sebab berlaku banyaknya kecurian air. Jadi mungkin ada, ada, yang pelan itu didapat, kalau tidak 100 *percent* pun ada dalam *a view* pihak KKDW sendiri.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Untuk makluman YB Sik, yang ini kita dah bincang tadi, awal tadi ini... [*Ketawa*] Cuma kalau boleh saya *respond*, isu kecurian air ini dia biasanya kalau di Sabah khususnya dia ada dalamanlah kan dan juga penduduk-penduduk bukan warganegaralah, biasa isu-isu tersebutlah. Isu-isu kecurian biasa di bandar, biasa bukan warganegara— penduduk, masyarakat bukan warganegara dia tak layaklah untuk mendapatkan bekalan air terawat itu.

Itu salah satu isulah termasuk bekalan elektrik sendirilah, samalah, bekalan air dan bekalan elektrik. Cuma kalau dia— hendak ada penjelasan lagi... [*Ketawa*] Cuma isu meter ini kita dah bincang panjang Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tapi saya lewat tadi. Dari segi apa itu? NRW kita Sabah juga ada penurunan atau bagaimana, yang terakhir dalam suku pertama tahun 2025 ini? Laporan hari itu kita dapat lebih kurang 50 peratus lebih NRW kita Sabah ini dan mungkin ada pelan jugalah ya untuk mengurangkan.

Tuan Jordan Michael Flynn [JANS]: Setakat ini NRW *is 56.8 percent* tapi *on going* ada... [*Dicelah*] *56.8 percent but* sekarang *on going* ada beberapa program NRW untuk mengurangkan kadar NRW di seluruh Sabah lah. Ya, itu sahaja.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tertinggi di negeri-negeri kita ini ya, 56 ini agak tinggi.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Untuk isu NRW ini ataupun air yang tak terhasil ini memang untuk negeri-negeri ini memang semua tinggilah YB dan projek-projek biasanya yang kita biasa dilaksanakan, kalau di bawah KKDW kita tak adalah di bawah skop itu, kita

untuk— semua untuk projek-projek baharu. Cuma di peringkat kerajaan negeri ini dia ada satu projek-projek dimohon, biasanya projek-projek di bawah PETRA.

Projek ini akan biasanya di— secara pinjaman rasanya kan, secara pinjamanlah bukan secara geran makna projek kalau bawah KKDW di bawah geran. Menggunakan peruntukan di bawah geran dan *from time to time* tertakluk kepada keupayaan kerajaan negerilah untuk memohon ataupun dari segi peringkat perancangan untuk mengurangkan NRW. Cuma di bawah JBALB kita ada di bawah tadilah kan, pelan induk ada.

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB]: Di bawah pelan induk pun kita ada program paip *replacement* dan *upgrading* di bawah peruntukan negeri dan juga kita menerima peruntukan daripada PETRA secara pinjaman untuk *NRW holistic program*.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Selain bekalan air kita ini, KKDW juga mungkin projek bekalan air alternatif di laksana di Sabah itu juga ada ya, air bukit dan sebagainya juga ada dalam senarai projek atau bagaimana?

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Puan Faezah, hendak sebut secara spesifik ya? Saya ada pegawai saya Puan Nor Faezah Ismail, dia akan— mungkin dia— di kedua-dua negeri itu memang kita ada projek bekalan air alternatiflah cuma di Sabah ia diuruskan di bawah KKDW negeri dan di Sarawak nanti Tuan Awg akan jelaskan, dia ada *special project*, yang ini kos-kos yang tinggilah.

Puan Nor Faezah binti Ismail [KKDW]: Okey, untuk makluman YB di Sabah dan Sarawak ada diluluskan projek dipanggil projek BALB alternatiflah untuk tempoh lima tahun ini. So, antara projek yang dilaksanakan ialah projek air gravitilah. So, untuk tahun 2025 ini peruntukan yang diberikan untuk Sabah dan Sarawak lebih kurang RM3 juta lebih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Bererti, maksudnya guna air bukit ya? [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Nor Faezah binti Ismail [KKDW]: Ya, air bukit, betul.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Kalau yang menggunakan *tubewell* itu ada juga dalam senarai projek itu?

Puan Nor Faezah binti Ismail [KKDW]: Dia bergantung pada permohonan Yang Berhormat, kalau *tubewell* itu kita kena pastikanlah sumber air itu mencukupi baru kita boleh laksanakan dan dalam masa yang sama penduduk kampung itu mesti— sebab *once* projek alternatif siap, kita akan serahkan kepada orang kampung untuk operasi dan *maintenance*. So, penduduk mesti dapat persetujuan siapa yang hendak tanggung bil elektrik itu semua selepas itu. Kalau ada persetujuan, boleh mohon kepada kementerianlah untuk laksanakan projek itu.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Tapi adalah, kan?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB]: Okey, untuk negeri Sarawak di bawah pelan induk kita mempunyai satu lagi strategi tadi untuk bekalan air alternatif, yang di Sarawak kita panggil *Sarawak Alternative Water Supply* (SAWAS). Salah satu strategi yang kita angkat untuk memastikan liputan air penuh pada tahun 2030. Untuk SAWAS ini kebanyakan kawasan-kawasannya adalah *off-grid* yang kita tidak dapat sambung kepada paip utama yang kita bina, kawasan-kawasan luar bandar dan *scattered*.

Untuk, daripada KKDW kita telah menerima peruntukan yang amat besar, lebih kurang RM350 juta rasanya untuk melaksanakan SAWAS di negeri Sarawak di samping peruntukan negeri Sarawak sendiri untuk membekalkan sistem air bersih untuk kawasan lebih kurang 1,000 buah kampung lagi yang masih belum disambung dengan bekalan air terawat. Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Kaedah yang digunakan itu graviti ataupun *tubewell*?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB]: Untuk sistem ini dia ada pelbagai jenis sistem yang kita akan cadang *gravity feed* dan juga *rain harvesting* dan juga daripada sungai-sungai yang terdapat di kampung-kampung tersebut ya.

Tuan Ahmad bin Tuan Wil [KKDW]: Saya tambah sedikit dan semua ini percumalah untuk masyarakat setempat itu, yang ini kita tak kenakan bil, kan?

Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan [JBALB]: Memang percuma, *only that* operasi nanti mungkin untuk Sarawak kita akan ambil alih operasi tersebut, memandangkan sekiranya kita biarkan kepada komuniti seperti yang diterangkan oleh Puan Nor Faezah nanti, mungkin terdapat isu-isu yang berbangkit daripada segi *operation* dan *maintenance* di masa-masa akan datang. So, untuk Sarawak JBALB akan ambil alih aset kerajaan tersebut dan kita *maintain* sehingga bila-bila.

■1540

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Sik ada lagi?

Tuan Ahmad bin Tuan Will [KKDW]: Ada syor *last* sekali. Syor ketujuh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Oh? Okey.

Tuan Ahmad bin Tuan Will [KKDW]: Yang ini kena JANS jawablah ya. Kalau ikut syor ini, PAC negeri Sabah dan kerajaan negeri atau pihak berkuasa air negeri disarankan untuk memantau isu berhubung projek BALB lah. Ada maklumat nak tambah-tambah?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Sekarang yang PAC Sabah, mereka ada buat apa-apa perbincangan dengan pihak agensi *ke*? Bila kami berada di KK, mereka ada datang, kan? Lepas itu, ada apa-apa perbincangan, pertemuan atau *follow-up*?

Tuan Jordan Micheal Flynn [JANS]: Untuk makluman Puan Pengerusi, *for now, the last PAC was the last year* punyalah. Tapi, saya rasa dalam hasil mesyuarat itu, kita diminta

untuk *liaise* dengan yang kerajaan negeri *time* itu. So, kita ada Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri Sabah *which is* saya rasa sudah satu kali ini tahun atau dua kali. So, kami *follow-up* dari sanalah. Kami akan *follow-up* dari sana. Tapi, untuk PAC *specifically*, tiadalah. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *They are not ready*-lah. PAC Sabah. Okey. Kalau tak ada apa-apa...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Last*. Sikit nak rekod saja, Pengerusi. Nak sebut beginilah. *Because we are talking about* bekalan air *which is basic* kan, *so, it's very embarrassing* kalau kita dalam negara Malaysia ini masih juga ada masalah tak cukup bekalan air. Sebab, sekeliling Malaysia ini semua ada air. Kalau kita tengok dari kapal terbang, sungai ada, dia punya *pond* ada. So, tak cukup bekalan air *shouldn't be a problem in Malaysia*.

Sekian, terima kasih. So, *please solve*-lah.

Tuan Ahmad bin Tuan Will [KKDW]: [*Ketawa*] Bila tengok dari kapal terbang ada air kan, saya bagi contohlah. Kalau kita tengok Sungai Kelantan, Sungai Pahang, semua sungai yang besar, semuanya warna kuning. Airnya macam susu, kan? Kalau di muara, kita tengok air nampak banyak, tapi dia tak sesuai untuk kita gunakan untuk *treated water* tersebut sebab dia bercampur air masin. Di muaralah. Makna kalau di Kelantan daripada Kota Bharu hingga ke Machang itu— jauh itu, berapa kilometer itu?— memang masin.

Even yang projek yang masa melawat di Sandakan hari itu ada sungai yang besar itukan, kita nampak— yang itu lagi cantik, lagi jernih nampak. Tapi, ada *salinity*, ada kemasinan dia itu yang jadi projek itu tak sesuai untuk kita— loji rawatan air dan ini memerlukan satu kimia khas untuk mengurangkan *salinity* tersebut dan kemasinan air. Tahap-tahap kemasinannya itu merupakan satu punca yang mana di bawah PETRA dia akan mengkajilah sumber air yang paling *sustainable* untuk sesuatu projek air tersebutlah. Nampak banyak.

Khususnya untuk projek air, bagi mana-mana kita katakan dekat bumi Malaysia ini, dekat bawah pun banyak air kan, itu pun kita kena tengok dari segi kecukupan air untuk suatu *mass production* tersebutlah. Makna kalau kita orang kampung nak ambil dekat bawah-bawah atas itu bolehlah, tapi kalau masuk dalam itu untuk orang ramai itu, kita kena buat kajian. Dan ada *certain* kuantiti air tersebut, dari segi kimia, dia tak sesuai untuk kita minum. Kita nampak bersih tapi dalam dia itu ada pelbagai komponen yang kita akan tengok dari segi kimia dia itu tak sesuai untuk kita minum tersebut.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tapi saya tak terimalah. Sebab, *Singapore* itu semua keliling air. Dah itu dia tak ada sungai, apa benda, kan? Israel pun macam itu juga, tak cukup air, kan?

Beberapa Ahli: Air Johor.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Itulah. *So, you have to look for solution.* Itu saja. Kalau tak, dia macam-macam kita punya alasan, kan? Kita kena *out of the box*, kena cari apa. Mungkin lain-lain tempat— Sabah, Sarawak ke, pedalaman, pulau dan sebagainya— dia ada *different situation, challenges*, kan? *So*, kita kena *advance*-lah dengan menggunakan teknologi ke, *whatever ke*, robot ke, AI ke, *whatever*, kan? *So, we have to be more advance-lah. Insya-Allah.*

Terima kasih. *Anyway, you have done a good job. So, we just want to help you to further advance.*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Pengerusi, sikit saja. Saya baru teringat tadi— Sabah. Mungkin JANS dapat respons sikit. Masih lagi hari itu timbul isu bekalan air di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Dah *settle ke* belum?... *[Ketawa]* Itu, saya ingat dua kali dalam laporan media. Bagaimana yang terkini?

Tuan Ahmad bin Tuan Will [KKDW]: Isu telaga tiub ya di UMS? Projek-projek yang lambat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tak. UMS itu, budak-budak itu buat demo air tak ada. Bekalan...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad bin Tuan Will [KKDW]: Oh, yang ini bekalan air di KK lah tak cukup. *So*, dia pun memberi kesan kepada UMS lah. Dan PMX pada masa— saya tak ingatlah— pada tahun lepaslah telah meluluskan projek telaga tiub di kawasan universiti tersebut. Gali. Cuma, dia *concern* kenapa lambat.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: UMS tadi. Dia dah *provide* tangki besar, tapi air tetap tak ada. *Then*, pelajar beritahu, kadang-kadang hantar, kadang-kadang tak hantar. Hantar pun kadang-kadang kualiti air itu memang teruk. Anak saya ada di UMS.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tapi keadaan sudah ditambah baik, kan?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Boleh jawab?

Tuan Abd Halim bin Ag Marali [JANS]: Berkenaan dengan UMS ini, bolehlah saya jawab sikitlah. Ini adalah bergantung kepada bekalan daripada Loji Rawatan Air Telibong 2, Fasa 2 lah. Sebabnya, loji siap tapi paip belum siap pun tidak boleh membekalkan air secara keseluruhan ke kawasan-kawasan di KK termasuklah UMS lah. *So*, apa yang kita dapat buat, macam sekaranglah.

Tuan Ramzi bin Mansor [KKDW]: YB, saya dulu dekat Kementerian Pendidikan. *So*, sekolah pun ada masalah. *So*, apa yang dibuat, kita ada satu di Universiti Teknologi Malaysia, dia ada teknologi yang membran. Yang itu, saya ada minta kerjasama daripada UTM masa

itu kita bergabung KPT-KPM. So, dia *assume* satu KPM-lah untuk membantu sekolah-sekolah yang tak ada air. So, macam ini, macam membran ini, macam *filter*.

Macam di Universiti Malaysia Sabah ada masalah, kalau *try* dapatkan kerjasama daripada UTM untuk di-*filter* air yang dah ada dekat tangki itu tapi tak berapa bersih, kita *filter* menjadikan air itu boleh diminum tanpa masak. So, boleh *share*. Dekat universiti, dia ada *researcher* sendiri dan dah dilaksanakan di beberapa sekolah yang tak ada air. Dia gunakan air sungai yang tak berapa bersih, dia *filter* dan boleh gunakan. Dia ada dua— satu, air untuk minum; satu, air untuk basuh baju. Boleh *explore*-lah nanti.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Di sini bagi pihak PAC, saya ingin berterima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Ramzi bin Mansor, TKSP; Yang Berusaha Tuan Meor Ismail bin Meor Akim, TKSU KKDW; dan Yang Berusaha Tuan Ahmad bin Tuan Wil, SUB KKDW dan juga delegasi daripada JBALB dan JANS. Terima kasih kerana sudi datang memberi pembentangan susulan tentang isu ini.

Jadi, prosiding kita berhenti pada pukul 3.49 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.49 petang]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac